

**STRUGGLE OF DA'WA BY ABIM IN MALAYSIA 1971-2000**

**PERJUANGAN DAKWAH GERAKAN ISLAM ABIM DI MALAYSIA 1971-2000**

Siti Ruzana Ab Ghani<sup>i</sup>, Rahilah Omar<sup>ii</sup>, Azlizan Mat Enh<sup>iii</sup> & Russli Kamaruddin<sup>iv</sup>

- <sup>i</sup> (*Corresponding author*). Calon Doktor Falsafah. Jabatan Sejarah, Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. sitiruzana@yahoo.com  
<sup>ii</sup> Pensyarah Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. rahilah@ukm.edu.my  
<sup>iii</sup> Pensyarah Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. azlizan@ukm.edu.my  
<sup>iv</sup> Pensyarah Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. russli@ukm.edu.my

*Article Progress*

Received: 16 Oct 2018

Revised: 24 Jan 2019

Accepted: 31 Jan 2019

<b>Abstract</b>	<p><i>This article discusses the struggle of da'wah of Islamic Youth Movement Malaysia (ABIM) in Malaysia (1971-2000). ABIM as an Islamic movement has a very close networking with Muslim Brotherhood in Egypt, Jama'at Islami in Pakistan and Indonesia Islamic Da'wah Council (DDII) in Indonesia. ABIM is a non-governmental organization (NGO) which work independently to preach Islamic teaching in Malaysia especially among the Malay community. The objective of this article is to recognize the struggle of ABIM in doing da'wah and educating the Malay community. The methodology used is qualitative with the historical approach using the documental analysis. The documents used in this method are ABIM's official documents and fails, leader's speech text and interviews. The research finding shows that the success of da'wah by ABIM in Malay community is due to its engagement with the locals and their social cultural values without abandoning the Islamic principals. ABIM has managed to uphold the Islamic practices in Malaysia despite all the challenges and tribulations. The young educated youth in Malaysia practices Islam as the way of life without direct involvement in politic. Politic has always been the source of the disunity of ummah but with da'wah, the Malay community will stand tall together.</i></p> <p>Keywords: <i>History, approach, ABIM, da'wa, organisation.</i></p>
<b>Abstrak</b>	<p><i>Artikel ini membincangkan perjuangan dakwah gerakan Islam ABIM yang mengambil kira sejarah perkembangan dan perjuangan gerakan Islam di Malaysia, 1971-2000. ABIM merupakan gerakan Islam di Malaysia yang mempunyai jaringan dan hubungan yang erat dengan gerakan Islam di luar negara seperti Ikhwanul Muslimin di Mesir, Jama'at Islami di Pakistan dan Dewan Dakwah di Indonesia. ABIM adalah gerakan Islam non-partisan yang bergerak bebas dan berjuang dalam menyampaikan dakwah terhadap masyarakat Melayu di Malaysia. Objektif artikel ini untuk meneliti perjuangan gerakan Islam ABIM dalam mendidik dan berdakwah serta mentarbiah masyarakat Melayu. Metodologi yang digunakan adalah secara kualitatif</i></p>

dengan menggunakan pendekatan sejarah melalui analisis kandungan daripada dokumen rasmi, fail-fail ABIM dan teks ucapan pemimpin serta temubual pemimpin ABIM. Hasil kajian ini mendapati bahawa gerakan Islam ABIM dapat berdakwah kepada masyarakat Melayu dengan mendekati nilai-nilai sosiobudaya setempat, tanpa mengadaikan prinsip-prinsip Islam bagi mencapai matlamat memperjuangkan agama Allah. Gerakan Islam ABIM juga dapat menyuburkan kembali sinar Islam yang kian dicemari oleh pelbagai isu keruntuhan akhlak dalam kalangan masyarakat Melayu kesan daripada penjajahan barat. Golongan muda terutamanya yang berpendidikan dapat menerapkan nilai-nilai kehidupan beragama sebenar mengikut landasan Islam tanpa berpolitik yang menjejaskan perpaduan dan dapat mengelakkan perpecahan tetapi menyatukan masyarakat Melayu dengan dakwah Islamiyah.

Kata kunci: Sejarah, pendekatan, ABIM, dakwah, badan.

## PENDAHULUAN

Perkembangan Islam di kawasan Nusantara mengalami kemuncaknya dengan munculnya fenomena keagamaan yang dikenali sebagai kebangkitan Islam yang mula bertapak pada era 1970-an.<sup>1</sup> Dalam konteks Malaysia, awal tahun 1970-an sebagai tarikh awal bermulanya kebangkitan Islam (Mohammad Bakar, 1987). Ini berikutan beberapa faktor seperti kesan peristiwa rusuhan kaum 13 Mei 1969, mengalirnya urbanisasi dan proses modenisasi yang pesat, terciptanya kelas menengah baru Melayu, terbentuknya persatuan pelajar yang kuat dan bebas daripada campur tangan kepentingan politik.

Dalam hal ini, Jomo dan Ahmed berpendapat bahawa kemunculan kebangkitan Islam di Malaysia cukup unik dan berbeza dengan negara lain kerana kemampuannya menarik minat orang Melayu-Islam yang bebas daripada unsur-unsur ketabsuhan politik. Kebangkitan Islam telah melangkui sempadan politik kerana ia tidak hanya dimonopoli pihak tertentu sahaja. Menurut Jomo K. Dundaram & Ahmad Shabery Cheek (1988): *"The development of the major Islamic movements in the contemporary Islamic resurgence reflects the relative autonomy of ideology, culture and The state, without attempting to root them in their larger social context"*.

Di Malaysia, penggantian abad baru 15 Hijrah ini diperingati dengan pengisytiharan pelaksanaan Bulan Dakwah Negara yang dianjurkan oleh Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) pada tahun 1978 (Hafizh Dasuki, 2014). Kaum Muslimin percaya bahawa penggantian tahun hijrah ini diyakini sebagai awal permulaan abad kebangkitan Islam setelah sekian Islam mengalami zaman kemunduran dengan perlunya Islam dijadikan rujukan utama dalam semua aspek kehidupan. Ini termasuklah wujud keyakinan dalam kalangan umat Islam bahawa kebangkitan Islam akan muncul di rantau Timur Jauh iaitu di negara Pakistan atau Indonesia, bukan muncul di Arab yang dianggap sebagai pusat dan tempat asal Islam (Wilfred Cantwell Smith, 1957).

Perkembangan Islam yang cukup menakjubkan di rantau Asia Tenggara turut menjadi keyakinan beberapa pengkaji yang membuat ramalan bahawa pusat tamadun Islam akan dipimpin oleh Indonesia dan Malaysia (John L. Esposito, 1997).

---

<sup>1</sup> Ramai sarjana yang bersetuju bahawa awal dekad 1970-an dikatakan sebagai titik awal era kebangkitan Islam. Pandangan ini benar dalam konteks Malaysia dengan segala ciri-ciri dan faktor-faktor yang melatarinya termasuk berdakwah kepada masyarakat Melayu. Akan tetapi berbeza dengan Indonesia, justeru awal dekad 1970-an dianggap sebagai dekad hitam bagi umat Islam terutama untuk menubuhkan politik Islam berikutan keluarnya peraturan rejim order baru yang mewajibkan parti politik Islam bergabung dalam satu wadah politik (difusi parti) di partai Persatuan Pembangunan pada tahun 1971. Situasi ini menolak dan mengawal secara ketat terhadap gerakan dakwah yang dipelopori oleh Pertubuhan Islam. Dengan alasan pihak rejim menumpukan pembangunan kepada modernisasi dan segala kegiatan yang berideologi tidak dibenarkan termasuklah dalam bidang dakwah.. Lihat, Amien Rais, Cakrawala Islam Antara Cita dan Fakta, Bandung, Penerbit Mizan, 1987, hlm.173

Dalam sejarah Islam moden khususnya era pasca kolonialisme, isu pengukuhan kembali kepada ajaran Islam ini merupakan satu peristiwa yang luar biasa (Asaf Hussain, 1988). Tiada petanda sebelumnya kebangkitan Islam ini mampu menjadi elemen utama umat Islam untuk bangkit semula dan kembali pada ajaran Islam yang paling fundamental. Bahkan dalam catatan Esposito, kebangkitan Islam yang ditandai dengan meningkatnya aktivisme politik Islam melahirkan persepsi yang salah pada masyarakat Barat terhadap perkembangan tersebut. Kebangkitan Islam dipersepsikan sebagai ancaman terhadap tatapan dunia yang didominasi oleh sistem dan kepentingan kuasa Barat (John L. Esposito, 1992).

Malaysia hari ini adalah Malaysia yang telah dikenali sebagai negara dirantau Asia yang maju dalam bidang ekonomi dan pada masa yang sama mampu menjaga kestabilan politiknya. Salah satu faktor pentingnya adalah kejayaan elit pemimpinnya dalam menggabungkan di antara kekuatan Islam dan kepentingan nasional dalam pembangunan negara. Dengan kekuatan dari segi ekonomi dan politik terutama dalam hal menjaga kemandiriannya terhadap ekonomi barat, telah menjadi modal Malaysia bagi memainkan peranannya sebagai negara yang bersuara lantang dalam merespons isu-isu Islam di peringkat antarabangsa.<sup>2</sup>

Walaupun terdapat pelbagai pendekatan dan perspektif dalam mengamati fenomena berkenaan seperti pendekatan antropologi<sup>3</sup>, sosiologi (Chandra Muzaffar, 1984), politik<sup>4</sup>, dan keselamatan (Kamarulnizam Abdullah, 2003), namun secara keseluruhan para pengkaji bersetuju bahawa kebangkitan Islam membawa kesan yang cukup besar terhadap gerakan Islam di Malaysia khususnya sebagai badan dakwah. Istilah kebangkitan Islam itu sendiri secara umumnya merujuk kepada fenomena semakin meningkatnya kesedaran dan aktiviti keagamaan masyarakat Islam<sup>5</sup>.

Ini merujuk kepada wujudnya situasi di mana masyarakat Islam khususnya di kawasan bandar dan dalam kalangan golongan menengah dan pelajar universiti mengalami proses kesedaran dan penghayatan keislaman yang tidak berlaku pada masa sebelumnya yang mana disokong oleh Azyumardi Azra bahawa istilah ini dianggap sebagai

---

<sup>2</sup> Imej negara yang sebegini terutama berlaku pada masa pemerintahan Mahathir Mohammad yang kemudian mendapat gelaran sebagai jurucakap negara-negara Islam dalam menghadapi dominasi barat. Keterangan lanjut tentang dasar luar Malaysia pada era Mahathir, lihat Milne R.S dan Diane K. Mauzy, *Malaysian Politics under Mahathir*, London: Routledge, 1999. Michael R.J., Vatikiotis, "Kebangkitan Islam di Indonesia dan Malaysia", dalam Moeflich Hasbullah (pnyt), *Asia Tenggara Konsentrasi Baru Kebangkitan Islam*, Bandung: Fokusmedia, 2003. Untuk analisis tentang faktor Islam di Malaysia dan Indonesia sebagai faktor yang cukup dominan dalam pembangunan negara khususnya sebagai alat politik untuk melawan dominasi barat, lihat Kikue Hamayotsu, "Islam and National Building in Southeast Asia: Malaysia and Indonesia in Comparative Perspective", *Pacific Affairs*, Vol. 75, No. 3, 2002, hlm. 353-375.

<sup>3</sup> Kajian tentang gerakan Islam di Malaysia yang bercorak antropologi, lihat Shamsul Amri Baharuddin, "From Urban to Rural: The Migration of The Islamic Revival Phenomenon In Malaysia", dalam *Prosiding Congress Urbanism dan Islam*, Vol. 4, Tokyo: Institute of Oriental Culture, University of Tokyo, 1989. Di Indonesia, lihat Hefner, Robert W., "Islamization and Democratization in Indonesia", dalam RoberRadical W. Hefner dan Patricia Horvatic (pnyt), *Politics and Religious Renewal in Muslim Southeast Asia*, Honolulu: University of Hawaii Press, 1997.

<sup>4</sup> Lihat John Funston, "The Politics of Islam Reassertions in Malaysia" dalam Mohammed Ayoob, (pnyt), *The Politics of Islamic Reassertions*, London: Croom Helm, 1981. Jomo K. Sundaram dan Ahmed Shabery Cheek, "The Politics of Malaysia's Islamic Resurgence," *Third World Quarterly*, Vol. 10, No. 2, April 1988. Ahmad Fauzi Abdul Hamid, "Political Dimension of Religious Conflict in Malaysia: State Responses to an Islamic Movement", *Indonesia And The Malay World*, Vol 28, No 80, 2000. Dalam konteks Indonesia, lihat Nasir Tamara, *Indonesia in the Wake of Islam: 1965-1985*, Kuala Lumpur: Institute of Strategic and International Studies, 1986. Bandingkan dengan Liem Soei Liong, "Indonesian Muslims and the State: Accommodation or Revolt?", *Third World Quarterly*, vol.10, no.2 (April 1988), hlm. 883-885.

<sup>5</sup> Istilah kebangkitan islam tercatat dalam beberapa karya di Indonesia berbanding Malaysia yang mencecah ratusan karya ilmiah pada tahun 1990-an dan malah pada awal tahun 2000 yang disunting dan diterjemah dan begitu juga dengan perhatian media massa yang banyak menulis rencana dan beritamengenai kebangkitan Islam di Indonesia kerana pemerintah Orde Baru tidak membenarkan sebarang isu berkaitan dengan kebangkitan agama yang boleh mencetuskan semangat dan kesedaran umat Islam berbanding di Malaysia yang membebaskan penulisan isu agama kerana pemerintahan demokrasi. Dalam wawancara dengan Musthofa Helmy, bekas wartawan Tempo dekad 1980-an, Jakarta, 25 November 2013.

santrinisasi<sup>6</sup> di Indonesia. Proses ini adalah era sebelum kebanyakan umat Islam hanya mempunyai identiti rasmi sebagai pemeluk Islam dan kurang mengamalkan ajaran-ajaran Islam.<sup>7</sup> Ini kerana lahirnya sikap radikal dalam memperjuangkan aspirasi dan cita-cita mereka<sup>8</sup>. Peristiwa Revolusi Iran pada tahun 1979 menjadi angkubah yang dominan yang dianggap sebagai pencetus aspirasi kepada perjuangan aktivis Islam di seluruh dunia. Menurut Esposito, kejayaan revolusi tersebut:

*“Perwakilan pemimpin Islam dari Utara Amerika, Timur tengah dan Asia Tenggara pergi ke Teheran untuk mengucapkan tahniah kepada Khomeini. Pertubuhan aktivitis ahli sunnah dan syiah, sama ada pertubuhan dari Mesir (pertubuhan Ikhawanul Muslimin yang sederhana dan al-Jihad yang radikal) hinggalah ke Malaysia (ABIM atau Angkatan Belia Islam Malaysia dan PAS yang agresif) semuanya menjadikan Iran sebagai sumber inspirasi. Revolusi Iran menjadi iktibar untuk menyedarkan umat Islam dan meningkatkan keyakinan terhadap agama mereka dan ketaatan mereka kepadanya, supaya mereka dapat memikul tampuk kepemimpinan insan di dunia sekali lagi dan meletakkan dunia di bawah perlindungan tamadun Islam yang dipandang tinggi”* (John L. Esposito, 2008).

Namun begitu, kejayaan menumbangkan kerajaan Shah Reza banyak menghasilkan pujian dan rasa kagum dalam kalangan umat Islam di seluruh dunia, namun tidak sesuai di nusantara termasuklah Malaysia dan Indonesia (Sidney R. Jones, 1980). Aktivis Islam di Malaysia begitu mengagumi kejayaan revolusi Iran, akan tetapi ianya tidak sesuai diimport dan diterapkan di Malaysia khususnya dalam kalangan masyarakat Melayu. Menurut Presiden ABIM ketika itu Anwar Ibrahim (salah seorang aktivis gerakan Islam yang menjumpai Ayatullah Khomeini sebaik sahaja revolusi), situasi di Malaysia adalah unik dan tidak boleh disamakan dengan situasi di Iran.

Oleh sebab itu, beliau menolak model Iran bagi membawa perubahan penting dalam masyarakat dan negara (John Funston, 1981).<sup>9</sup> Kebangkitan Islam merupakan manifestasi peningkatan corak keagamaan yang lebih ketat dan meyakini Islam sebagai alternatif penyelesaian kepada pelbagai masalah yang timbul (Siddiq Fadzil, 1982). Kembalinya keyakinan bahawa Islam sebagai solusi kehidupan berlaku setelah sistem politik dan ideologi bukan berteraskan Islam, gagal menyelesaikan masalah yang terjadi sama ada masalah sosial, politik, mahupun hubungan antara agama dan kaum (John O. Voll, 2003).<sup>10</sup>

---

<sup>6</sup> Istilah santrinisasi berasal daripada perkataan santri iaitu orang yang mendalami agama Islam, orang yang beribadah dengan bersungguh-sungguh dan orang yang beramal saleh. Lihat Kamus Besar Bahasa Indonesia Edisi Baru, Jakarta: Media Pustaka Phoniex, 2009, hlm. 747. Bagaimanapun, istilah santri secara umumnya dipakai merujuk kepada kalangan pelajar yang menetap di pondok untuk mempelajari agama Islam. Menurut Dhofir, santri iaitu murid-murid yang tinggal di dalam pesantren untuk mempelajari kitab-kitab kuning atau kitab-kitab Islam klasik. Lihat Zamakhsyari Dhofir, Tradisi Pesantren : Studi tentang Pandangan Hidup Kyai, Jakarta: LP3ES, 1982, hlm. 51-52.

<sup>7</sup> Dengan begitu, istilah santrinisasi bermaksud berlakunya proses ketaatan dan pengamalan Islam yang bersungguh-sungguh dalam kalangan umat Islam terhadap ajaran agamanya. Ini ditandai dengan meningkatnya secara kuantitatif kegiatan keagamaan seperti semaraknya aktiviti-aktiviti agama dan dakwah, penubuhan pemakaian tudung atau jilbab bagi kalangan muslimah dan meningkatnya jumlah masjid dan surau. Azyurmardi Azra, *Renaissance Islam Asia Tenggara: Sejarah Wacana dan Kekuasaan*, Bandung: Remaja Rosdakarya, 2000, hlm. Xvii.

<sup>8</sup> Kecenderungan untuk memaknai gejala kebangkitan Islam ini sebagai gejala menguatnya fanatisme dan radikalisme keagamaan dapat dilihat dalam beberapa kajian terutama yang datang dari pengkaji Barat. Malah, tajuk-tajuknya cenderung provokatif dan tendesius. Lihat Daniel Pipes, “The World is Political !!! The Islamic Revival of the Seventies”, *Orbis*, Jil. 24, Bil. 1. Spring 1980. Bandingkan juga dengan laporan akhbar mengenai isu ini, “The Islamic Crusade Blood, Oil and Politics”, *Newsweek*, 12 Mac 1984, Islam against the West, *Time*, 17 Disember 1979.

<sup>9</sup> Oleh itu, Kebangkitan Islam di kedua negara ini lebih dimaknai sebagai proses memperkukuh aspek ibadah dan bukannya sebagai medium untuk mencabar atau bertujuan menggulingkan kerajaan yang sedia ada dengan cara-cara kekerasan atau revolusi.

<sup>10</sup> Lihat ulasan dalam media massa, Islam Memecahkan Problema Masyarakat, *Panji Masyarakat*, No 599, Januari 1989. Lihat juga ucapan Anwar Ibrahim, Islam, Penyelesaian Kepada Masalah Masyarakat Majmuk, *Ucapan Dasar Muktamar Sanawi ABIM ke-8*, Kuala Lumpur: ABIM

Kebangkitan Islam di Malaysia membidas perilaku elit pemimpin negara yang taksub dengan sistem Barat dan mengabaikan ketentuan dan hukum Islam dalam mentadbir negara (Razali Nawawi, 1983). Walhal, dengan menganut sistem Barat dalam membangun dan memodenisasi negara memberi kesan kepada ketempangan sosial, politik dan ekonomi yang membelit kehidupan masyarakat<sup>11</sup>.

### **PENGARUH GERAKAN ISLAM LUAR**

Pengaruh gerakan Islam luar bermula dengan kebangkitan kesedaran masyarakat Islam yang berlaku sekitar tahun 1960an hingga tahun 1990an adalah kesinambungan daripada gerakan reformis yang berlaku sejak akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20.<sup>12</sup> Pada sekitar tahun 1970an sehingga 1980-an, telah berlakunya satu fenomena kebangkitan Islam yang berlaku di Negara-negara timur tengah seperti di Mesir, Iraq, Syria, dan Negara-negara luar dari timur tengah seperti Pakistan, Turki, Iran, Indonesia dan Malaysia.

Ada beberapa faktor dan pandangan mengenai gerakan kebangkitan Islam di dunia dan secara khususnya di Malaysia.<sup>13</sup> Menurut Mashitah Sulaiman (2013) fenomena ini berlaku apabila timbul kesedaran dalam kalangan masyarakat Melayu khususnya untuk kembali kepada ajaran agama Islam dengan mewujudkan kuasa politik yang dikuasai oleh orang Islam. Gelombang kebangkitan ini bersifat holistik atau merangkumi setiap genap aspek kehidupan. Kebangkitan Islam bukan hanya dari sudut kehidupan keagamaan sahaja, tetapi juga aspek-aspek lain seperti ekonomi, politik, pentadbiran, pendidikan serta aspek sosial dan kemasyarakatan. Pengkaji merasakan pengertian ini sangat jelas dalam menjelaskan pengaruh gerakan Islam luar terhadap gerakan Islam di Malaysia.

Menurut Peter Mandaville, gerakan Islam yang paling penting dan mengandungi politik Islam bermula di negara Mesir yang dipelopori oleh Hassan al-Bana. Beliau telah menubuhkan satu gerakan Ikhwanul Muslimin pada tahun 1928 dan kemudiannya berkembang ke negara-negara lain termasuk di Malaysia. Namun begitu gerakan ini menjadi pembangkang di negara mereka (Mandavilla, P, 2007). Gerakan Islam adalah sebuah gerakan agama. Gerakan agama bukan sahaja diaplikasikan ke atas agama sahaja, tetapi boleh juga diguna pakai ke atas agama-agama yang lain.

Menurut H. Dadang Kahmad, gerakan agama berlaku akibat timbulnya rasa tidak puas hati kepada penguasa atau pemimpin negara, dan konflik akibat ketidakpuasan sosial dan agama kerana pihak terbabit terlalu mengawal kehidupan manusia. Konflik ini akan membawa kepada munculnya wakil agama dalam memberi dorongan dan sokongan untuk melakukan perubahan dan ini memberi kesan yang besar kepada gerakan agama (H. Dadang Kahmad, 1999).

Manakala bagi Shiozaki Yuki pula mendapati gerakan agama adalah usaha untuk menegakkan Islam ke atas individu dan juga sebagai norma sosial khususnya kepada masyarakat Muslim (Shiozakin Yuki, 2007). Begitu juga yang berlaku pada revolusi Iran pada tahun 1979 yang bangkit berjuang untuk mengembalikan warisan kebudayaan Islam, dan tidak puas hati dengan sistem politik yang sekular. Di Asia Tenggara pula, konflik yang berlaku seperti konflik dengan komunis di Indonesia, serta konflik etnik yang berlaku di Malaysia juga menjadi dorongan kepada kebangkitan gerakan Islam (Kersten, C, 2009).

---

<sup>11</sup> Analisis yang mendalam tentang respons masyarakat Islam terhadap proses pembangunan politik dan dasar-dasar pemodenan dan kesannya terhadap masyarakat Islam, lihat John L Esposito, *Islam and Development: Religion and Socio-Political Change*, Syracuse: Syracuse University Press, 1980, bab 1.

<sup>12</sup> Gerakan ini diwakili oleh gerakan kaum muda yang dibawa oleh gerakan yang mula-mula dibawa oleh Jamaluddin Afghani, Sheikh Mohd Abduh dan Rashid Rida tidak pernah terhenti gerakannya. Bezanya, gerakan ini terus didokong oleh tokoh-tokoh reformis yang lebih baharu dengan membentuk satu gerakan agama dalam memperjuangkan matlamat dan tujuan ideologi reformis. Ibrahim Majdi bin Mohamad Kamil. *Nanalisis Kritis Perkembangan Intelektual Muslim di Malaysia Pasca Merdeka (1960-1990) terhadap kebangkitan Islam di Malaysia*. Jurnal Pengajian Islam. 2017. Bil. 10, ISU 11, 88-110. hlm.90.

<sup>13</sup> Ibid. hlm.91.

Selain pengaruh kebangkitan Islam di atas kemunculan ulama-ulama yang dipengaruhi oleh pemikiran reformis juga banyak membantu perkembangan gerakan Islam di Malaysia. Para ulama sering dikatakan menjadi pemimpin kumpulan-kumpulan tradisional yang banyak mengajar mengenai agama Islam dipondok-pondok dengan memfokuskan kepada mempelajari ilmu Quran, Hadis, Fiqh, serta pengajian kitab-kitab Klasik (Shiozakin Yuki, 2007). Tambahan pula, karisma para ulama dan ceramah-ceramah mereka banyak mempengaruhi masyarakat Muslim yang banyak menyanjungi dan menghormati ulama. Gerakan reformis juga menonjolkan para ulama, sebagai pemimpin gerakan Islam dan pentadbiran seperti yang berlaku semasa revolusi Iran.

Golongan ulama adalah golongan yang dianggap sebagai tradisional dan konservatif. Menurut Kassim Ahmad terdapat tiga aliran besar yang bertembung dalam Islam iaitu Islam tradisional atau konservatif (turut aktif di banyak negara Muslim), aliran Islam moden (pembaharuan) dan aliran moden (sekular) yang muncul di Turki diketuai oleh Mustafa Kemal Ataturk (Kassim Ahmad, 1984). Setiap aliran-aliran gerakan ini menyeru kepada masyarakat Islam untuk kembali kepada dua sumber utama iaitu Al-Quran dan As-Sunnah. Kesemua aliran-aliran ini tidak menolak ilmu sains dan teknologi Barat, malahan menyeru masyarakat Islam untuk belajar ilmu barat untuk mengalahkan kuasa barat (Kassim Ahmad, 1984).

Gerakan Islam sekular oleh Mustafa Kemal Ataturk telah berjaya mempengaruhi negara-negara lain seperti Mesir, Pakistan dan Indonesia. Gerakan Islam di Turki dikenali sebagai '*Young Turks*'. Gerakan ini berbeza dengan gerakan kaum muda di Tanah Melayu. Kaum muda di Turki bersifat moden dan sekular tetapi di Tanah Melayu bersifat reformis, dengan fundamental kembali kepada ajaran al-Quran dan Hadis (Ibrahim Majdi bin Mohamad Kamil, 2017).

Gerakan Islam kumpulan aliran tradisional dan reformis ini cuba membangkitkan satu kesedaran masyarakat Islam untuk kembali kepada ajaran Islam dan berjuang untuk melawan penjajahan dan kuasa kolonial. Manakala bagi kumpulan moden yang dipimpin oleh Mustafa Kemal Ataturk, telah memperkenalkan revolusi sekular di dalam masyarakat Islam. Penentangan mereka bukanlah terhadap penjajah tetapi kumpulan elit agama yang ditekan oleh penjajah serta atas sebab kelemahan gerakan Islam (Ibrahim Majdi bin Mohamad Kamil, 2017).

Walaupun gerakan Islam di Malaysia bukanlah satu kesinambungan secara langsung dengan gerakan kaum muda sebelum merdeka, tetapi intelektual dan aliran pemikiran mereka mempunyai persamaan kerana jaringan sosial mereka mempunyai persamaan. Kebangkitan Islam yang beraliran reformis dan gerakan kaum muda ini dipengaruhi oleh tokoh-tokoh gerakan agama dari Mesir. Gerakan Ikhwan Muslimin di Mesir yang dipelopori oleh Hassan al-Banna, adalah satu kesinambungan dari gerakan Islam awal yang berlaku di Mesir oleh tokoh-tokoh seperti Jamaluddin Afghani, Syekh Muhammad Abduh, dan Rashid Rida. Ikhwan Muslimin telah meneruskan ideologi reformis Islam dengan merujuk kepada sumber Al-Quran dan As-Sunnah. Hubungan kaum muda mempunyai hubungan langsung dengan tokoh reformis di Mesir, gerakan kebangkitan Islam yang beraliran reformis juga mempunyai hubungan langsung dengan gerakan Ikhwan Muslimin serta gerakan reformis di negara-negara lain. Ini membawa kepada berkembangnya kumpulan aliran Islah pada gerakan Islam di Malaysia (Ibrahim Majdi bin Mohamad Kamil, 2017).

#### **ALIRAN GERAKAN ISLAM DI MALAYSIA**

Menurut Amini Amir, rata-rata peserta-peserta gerakan Islam di Malaysia terdiri daripada pelajar Melayu universiti yang kebanyakannya datang dari keluarga masyarakat tani. Gerakan-gerakan ini banyak dipengaruhi oleh gerakan-gerakan Islam dari luar seperti Ikhwan Muslimin (Mesir) dan Jammaat Islami (Pakistan). Idea-idea dan tulisan oleh tokoh-tokoh gerakan revival seperti Hasan al-Banna, Abu Ala al-Mawdudi, Abu Hassan Ali al-Nadwi, Sayyid Qutb, Muhammad Qutb, Said Hawa, Fathi Yakan, Muhammad al-Ghazali, Yusuf al-Qaradawi, dan Hasan Hudaibi banyak telah diterjemahkan dan menjadi bahan

usrah dan tarbiyyah kumpulan gerakan revival Islam di Malaysia (Amini Amir Abdullah, 2011). Walaubagaimanapun, pengkaji mendapati Chandra Muzaffar di dalam penulisannya mendakwa gerakan kebangkitan Islam di Malaysia dalam masa yang sama mempunyai tujuan yang tersendiri mengikut kumpulan sosial tersendiri (Chandra Muzaffar, 1988).

Beliau juga berpandangan terdapat empat kumpulan kesedaran kebangkitan Islam iaitu kumpulan pertama adalah pelajar Melayu Institut Pengajian Tinggi Tempatan yang kurang yakin dengan kebolehan sendiri, kumpulan kedua adalah pelajar-pelajar yang pulang dari luar negara yang mengutuk peradaban barat, sekularisme dan 'ism-ism' barat yang lain, namun begitu mereka meningkatkan kedudukan mereka dengan mendapatkan jawatan di universiti-universiti, kumpulan ketiga adalah pemimpin politik dan aktivis politik yang setaraf dengan elit-elit agama yang mendapat pengikrifan dengan mempunyai semangat agama yang berkobar-kobar tetapi ada penyelewengan dan kumpulan keempat adalah pegawai-pegawai rasmi agama yang mendesak untuk menitikberatkan ritual, amalan, lambang Islam dan universiti Islam dan mendesak meningkatkan gaji untuk jawatan yang berkaitan dengan hal ehwal Islam (Chandra Muzaffar, 1988).

Namun begitu Candra Muzaffar bersetuju kebangkitan gerakan Islam disebabkan sistem sosial barat tidak dapat menyelesaikan masalah dan gerakan Islam di Malaysia merasakan gerakan mereka dapat memberi peradaban baru dan menentang sistem kerajaan seperti revolusi Iran 1979 yang mempunyai persamaan dengan gerakan Islam di Malaysia (Chandra Muzaffar, 1988). Ini kerana gerakan Islam di Malaysia ada mempunyai jaringan luar dengan gerakan Islam lain. Namun begitu jaringan intelektual dan aliran pemikiran ini mempunyai persamaan.

Gerakan Islam yang beraliran reformis pada waktu itu seperti Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Jemaah Islah Malaysia (JIM), Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM), Islamic Representative Council (IRC) dan Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Gerakan seperti ABIM, JIM, PKPIM, dan IRC merupakan pertubuhan kerajaan (NGO) dan gerakan dakwah kepada masyarakat berbeza dengan PAS yang merupakan satu pertubuhan Politik. Buku dan tulisan hasil karya Dr. Muhammad Iqbal, Maulana Sayyid Abu Ala Mawdudi, Imam Hasan al-Bana, Sayid Qutb, Malik bin Nabi, Dr. Ali Shariati, Imam Khomeini, dan Said Nursi telah memainkan peranan penting dalam mewujudkan dan mempengaruhi gerakan revival Islam di Malaysia (Amini Amir Abdullah, 2011).

Ketika zaman kebangkitan Islam di Malaysia, aliran tradisional tidak ketinggalan memainkan peranan yang penting dalam era kebangkitan kesedaran Islam di Malaysia. Malah, aliran tradisional ini dilihat lebih dinamik pada zaman ini dengan para Ulama memainkan peranan yang sangat penting pada era kebangkitan gerakan Islam. Gerakan tradisional juga mempunyai hubungan tersendiri dengan gerakan agama yang beraliran tradisional (fundamental), tetapi aliran ini terus berkembang dan mengekalkan unsur-unsur tradisional. Tambahan pula aliran tradisional mula berfikiran luas dengan tidak hanya fokus kepada agama sahaja, tetapi turut menitikberatkan aspek lain seperti ekonomi, sosial, dan pendidikan. Malah peranan Ulama juga turut berkembang kepada aspek-aspek kehidupan. Aliran-aliran agama tradisional adalah seperti gerakan-gerakan agama Jamaat Tabligh, Al-Arqam, dan Institusi-institusi Islam kerajaan sendiri. Menurut Che Noraini Hashim dan Hassan Langgulung, ABIM, Darul Arqam dan Jamaat Tabligh telah melalui dinamika mereka, dan telah berjaya secara langsung atau tidak langsung mengukuhkan agama Islam di Malaysia (Che Noraini Hashim & Hassan Langgulung, 2008).

Aliran-aliran ini menggunakan ceramah sebagai kaedah utama bagi sebahagian gerakan ini seperti PAS, ABIM, dan Darul Arqam kerana gerakan-gerakan ini tidak dapat menggunakan media massa. Ceramah-ceramah ini direkod dan dijual dengan pelbagai bentuk media supaya mendapat audiens masyarakat yang lebih besar (Shiozaki Yuki, t.th). Manakala jamaat Tabligh menggunakan kaedah penyampaian dengan bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang lain (Mohd Zain bin Husin, 1985) dan menggunakan teknik ajakan dan persuasif (*tasykil*) (Hanapi Md Noor, Hj Md, 2007). Kaedah-kaedah ini menyebabkan masyarakat Muslim Melayu berasa lebih dekat dengan pemimpin-

pemimpin gerakan ini kerana mereka bertemu secara bersemuka dan lebih mudah untuk mempengaruhi masyarakat.

### **SEBAB-SEBAB LAHIRNYA GERAKAN ISLAM DI MALAYSIA**

Dalam konteks negara ini, kelahiran gerakan-gerakan Islam didorong oleh faktor luaran dan dalaman, iaitu pengaruh luaran yang meresap masuk seperti dari Timur Tengah, Afrika Utara dan Asia dan perubahan sosial kesan dari perkembangan dalaman seperti golongan muda yang mendapat pendidikan tinggi yang dianggap golongan intelektual. Golongan muda ini dipengaruhi gerakan Islam dari negara-negara luar yang memberi kesedaran dan membentuk pemikiran generasi muda Islam yang kemudiannya memelopori gerakan-gerakan Islam di Malaysia.

Pada pandangan mereka, sebuah Jemaah Islam diperlukan untuk mendaulatkan Islam di negara mereka sendiri. Misalnya pemimpin-pemimpin awal Jemaah Islam yang menegakkan PAS telah mengambil kira bahawa mewujudkan negara Islam adalah suatu kewajipan. Ini memandangkan bahawa kesemua organisasi yang wujud pada waktu itu mempunyai landasan perjuangan dengan ideologi-ideologi sendiri, yang tidak memungkinkan wujudnya sebuah negara Islam dengan sistem pemerintahan Islam yang sebenar. Maka mereka berpendapat menjadi wajib untuk diwujudkan sebuah Jemaah Islam bagi menegakkan Islam (A.K. Hidayat, 1986).

Polisi 'Pecah dan Perintah' (*Drive and Rule*) yang diperkenalkan oleh penjajah, terutama Inggeris, adalah antara faktor yang menyebabkan umat Islam mundur. Ini kerana mereka tidak diberi peluang menceburi sektor ekonomi yang penting, khususnya sesudah orang-orang Cina dan India dibawa masuk beramai-ramai sejak pertengahan abad ke 18. Sehingga dekad 60-an, senario ini ternyata tidak banyak berubah meskipun negara ini telah lepas dari belenggu penjajahan. Ketempangan ini memang disedari oleh orang-orang Melayu, tetapi tidak banyak yang dapat mereka lakukan, terutamanya kerana terikat dengan faktor adat atau agama yang begitu menekankan soal kepatuhan kepada pimpinan. Kegelisahan ini akhirnya tidak dapat dibendung, apabila orang-orang Melayu meluahkan perasaan mereka dalam peristiwa 13 Mei 1969 (John C. Raines, 1996).

Menurut John C. Raines (1996), peristiwa 13 Mei 1969 dianggap sebagai '*the founding event of modern Malaysia*' dalam sejarah politik serta perkembangan gerakan Islam di negara ini. Menurutnya lagi.

*"What exploded that day was Malay-Muslim resentment at being kept disinherited in your own country. May 13<sup>th</sup> 1969 announced the end of one way of being Malay-Muslims and the beginning of a new way. And what began that day remains to this day not an accomplishment but a struggle".*

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk memperbaiki keadaan yang tidak sihat dalam konteks perhubungan kaum di Malaysia. Misalnya, Akta Hasutan diperkenalkan agar hak-hak istimewa bumiputera seperti Agama Islam, Bahasa (Azrin Ab. Majid, 2011) dan kedudukan Raja-Raja Melayu tidak dipersoalkan. Ini akhirnya memberi ruang kepada meningkatnya kesedaran keagamaan masyarakat, iaitu asset penting dalam melahir dan menampilkan gerakan-gerakan Islam.

Dasar Ekonomi Baru (DEB) dengan dua tujuan utama, iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat turut diperkenalkan. Menurut Judith Nagata (1984), apa yang menarik, pelajar-pelajar Malaysia di luar negara dikatakan tidak dapat menerima DEB ini atas alasan dasar itu mempunyai ciri-ciri kapitalisme, materialisme serta menindas golongan miskin, malah menambahkan golongan yang sedia kaya. Hakikat ini adalah antara bukti perubahan pemikiran masyarakat sehingga mereka telah berani menyuarkan perkara yang bercanggah dengan Islam (Harakah, 2005).

### **PERJUANGAN GERAKAN ISLAM SEBAGAI BADAN DAKWAH DI MALAYSIA**

Gerakan Islam adalah sebagai wadah yang memperjuangkan kepentingan ummah terutamanya masyarakat Melayu dan mempunyai prinsip-prinsip tersendiri kerana pada

umumnya ia diasaskan kepada keikhlasan untuk berjuang dengan tujuan dan cara yang serba Islamiyyah. Selaras dengan ini, maka setiap harakah Islam perlu menjadi gerakan 'Rabbani' dalam erti kata setia pada idealism dengan menjunjung tinggi kalimah Allah dan meletakkan agama Islam sebagai anutan yang paling unggul mengatasi agama-agama lain.

*Rabbani* juga membawa erti bahawa seluruh konsep, hukum, akhlak, tata susila dan pemikirannya adalah bersumberkan kepada agama Allah yang kekal dan risalah yang terakhir. Ini bererti bahawa yang menjadi pokok asas kepada gerakan Islam ialah supaya semua pihak yang menjadi pendukung kepada harakah ini tunduk kepada syari'at Allah dan mereka inilah yang harus menjadi pelopor sebelum golongan bawahan dan anggota biasanya mengikuti penyerahan seutuhnya jiwa dan raga kepada gerakan Islam. Prinsip perjuangan Harakah Islamiyah iaitu perlu setia kepada norma dan kaedah operasi yang mengikut ketetapan perundangan Islam. Prinsip ini perlu dipegang teguh dan tidak seharusnya digadaikan walaupun menghadapi pelbagai cabaran dalam perjuangan. Gerakan-gerakan Islam tidak 'anti-pembaharuan' sebaliknya mempunyai keinginan untuk mengikuti perubahan zaman dan kemajuan dalam Islam, sebagaimana yang dikemukakan oleh Fathi Yakan (1984):

*"Kemajuan dalam bidang ilmu dan penerokaan alam sejagat yang bukan semata-mata bertujuan untuk merakamkan penerokaan-penerokaan baru dalam bidang ilmu tetapi kemajuan yang bertujuan untuk menambah lagi pengetahuan dan makrifat manusia tentang kebesaran, keindahan, kekuasaan dan keagungan Allah Tuhan semesta alam"*.

Selain itu, gerakan Islam harus bergerak dalam kerangka Islam yang menyeluruh sejajar dengan kedudukan Islam sebagai agama yang sempurna dan pernyataan kepada umat manusia agar mereka masuk Islam dengan menyeluruh. Sehubungan dengan itu, gerakan Islam perlu berorientasikan *salafiyy* iaitu mengajak supaya umat kembali kepada akar umbi ajaran Islam yang sebenarnya. Ini juga bermakna bahawa gerakan Islam tidak mengabaikan sunnah atau aspek kemasyarakatan kerana ia bekerja dan berjuang untuk menghidupkan kembali sunnah yang suci serta untuk memelihara dan menjaga urusan umat Islam dalam semua perkara.

Gerakan Islam mempunyai prinsip berdakwah untuk penyatuan ummah yang konsisten kerana perselisihan ummah akan memberi kesan terhadap perjuangan mereka dan sekaligus hanya akan menyebabkan kegagalan ummah khususnya masyarakat Melayu. Gerakan Islam mengambil pendekatan dakwah Ikhwan al-Muslimin di Mesir dalam strategi menyatukan umat Islam dalam masalah-masalah pokok dan kaedah-kaedah Islam. Sehubungan dengan itu, Imam al-Syahid Hassan al-Banna ada menyebut dalam ucapannya sempena Mukhtamar Ikhwan al-Muslimin yang keenam. Katanya:

*"Hubungan kita dengan jamaah lain adalah berasaskan kasih sayang, bekerjasama, berukuwah dan saling mempercayai antara satu dengan yang lain. Kita mengasihi mereka, kita menolong mereka serta mencuba sedaya upaya untuk menghilangkan perbezaan pandangan serta berusaha untuk menyatukannya berasaskan kebenaran dan semangat kerjasama. Pendapat fikah atau khilaf madhhab tidak mungkin meretakkan hubungan antara kami"* (Muhammad Abu Al-Fathi Al-Bayanuniy, 1992).

Dengan keterangan di atas, dapat menjelaskan bahawa prinsip-prinsip perjuangan adalah asas yang penting untuk menentukan kekuatan dan masa depan sesebuah gerakan Islam. Gerakan yang berprinsip perlu bertonggak kepada aqidah dan memberi penekanan kepada dimensi-dimensi lain. Dengan prinsip-prinsip yang konsisten, realistic dan relevan, maka ini sekaligus akan membantu gerakan-gerakan Islam itu membina kekuatan dalaman untuk tampil sebagai kumpulan yang bukan sahaja berpengaruh dalam medan tempatan, tetapi berupaya menjadi model di peringkat antarabangsa.

## **KONSEP PERJUANGAN DAKWAH DALAM ISLAM**

Dakwah membawa maksud gerakan yang dilancarkan untuk mengajak dan menyeru orang ramai kepada agama (Ismail Ishak, Kamarudin Ahmad & Wan Abdul Rahman Khudzri, 1996). Ia adalah usaha menyampai, mengajak atau menyeru manusia untuk mengenali Islam, menerima dan menghayatinya. Tugas ini dilaksanakan menerusi kaedah, cara dan pendekatan tertentu (Mohd Shahir Abdullah, 1998).

Dakwah berasal daripada Bahasa Arab dan mempunyai berbagai maksud. Diantaranya ialah seruan, dorongan, permintaan dan permohonan kepada Allah. Terdapat tiga keadaan penggunaan perkataan dakwah. Pertama, dakwah dari pihak bawah ke atas (*bot-tom-up*) dan ia membawa maksud doa atau permohonan. Kedua, dakwah dari pihak atas ke bawah (*top-down*) dan ia bermaksud perintah. Ketiga, dari pihak yang setaraf dan ia bermaksud seruan atau ajakan. Dalam konteks pengkajian ini dakwah yang dimaksudkan ialah seruan kepada keimanan terhadap Allah SWT dan menuruti ajaran yang dibawa oleh junjungan besar Muhammad SAW (Ali Abd. Halim Mahmud, 1990). Dengan kata lain, dakwah di sini bermaksud seruan atau ajakan.

Sehubungan dengan perkara di atas, dakwah juga dikatakan tingkah laku dan sebagainya yang dilakukan secara sedar dan berencana dalam usaha mempengaruhi orang lain, sama ada secara sedar individu ataupun kelompok supaya timbul dalam dirinya satu pengertian, kesedaran, sikap, penghayatan dan pengalaman terhadap ajaran agama sebagai mesej yang disampaikan kepadanya tanpa ada unsur paksaan. Kegiatanajakan dakwah itu bukan sahaja semata-mata berbentuk seperti yang ada pada hari ini, iaitu dalam bentuk ceramah ataupun kuliah, tetapi satu bentuk kegiatan untuk mengajak orang lain kepada Islam. Ini dapat dijelaskan lagi oleh Abd Aziz Mohd Zain seperti berikut:

*“Pendakwah mesti mempunyai ilmu kejiwaan, ilmu yang boleh mendorong dan merangsang, sebab kita hendak mengajak ataupun merangsang orang lain. Ini bermakna perlu ada ilmu psikologi”* (Noritah, 1997).

Kesesuaian dakwah dengan keadaan masyarakat Melayu dan kehidupan semasa juga perlu diambilkira. Oleh kerana kita berdakwah dalam masyarakat maka pemahaman berkaitan dengan masyarakat yang ingin didakwahkan adalah perlu. Kajian ini perlu dilakukan untuk memahami budaya dan cara hidup mereka. Untuk memahami masyarakat, maka perlu difahami individu itu sendiri (Ismail Ishak, Kamarudin Ahmad & Wan Abdul Rahman Khudzri, 1996).

Terdapat pelbagai nas dalam Al-Quran dan Hadith yang menyebut tentang kewajipan berdakwah. Kesemuanya menyimpulkan kewajipan berdakwah serta kefahaman yang sahih terhadap situasi umat Islam. Nas Al-Quran menyatakan tujuan sebenar penciptaan jin dan manusia adalah untuk mereka mengabdikan diri sepenuhnya kepada Allah SWT (Al-Qur’an, Surah Al-Dharyat, 56-58).

Tujuan sebenar ini hanya dapat difahami melalui dakwah dan ianya menjadi suatu kewajipan kepada umat Islam. Umat Islam adalah umat yang satu. Oleh itu menjadi kewajipan kepada mereka untuk menghapuskan unsur-unsur kerosakan dan perpecahan di dalam diri mereka. Oleh itu seruan kepada Islah adalah suatu kewajipan.

## **Gerakan Islam Dan Dakwah**

Menegakkan negara Islam menjadi tujuan utama dalam gerakan Islam. Matlamat penubuhan PAS, ABIM dan Jamaah Tabligh adalah sama iaitu untuk menuju kepada penyebaran dakwah kepada masyarakat Melayu. Penyebaran dakwah di Malaysia adalah tugas yang berat dan mencabar kerana ia adalah amanah dan aspirasi umat Islam dari sebuah negara yang telah melalui proses sekularisasi di peringkat masyarakat, institusi mahupun negara, disamping penularan pembaratan dengan aspek-aspek negarti yang dibawa oleh Inggeris dan masih mempengaruhi masyarakat. Umat Islam di Malaysia

sedang menghadapi tentangan-tentangan besar pasca merdeka.<sup>14</sup> Ia bukan sahaja memberi impak kepada kedudukan Islam sebagai “*Pan-National Order*” (Hassan al-Turabi, 1992) tetapi juga turut memberi kesan kepada gerakan Islam kumpulan penyampai dakwah dan agen perubahan masyarakat (Anis Ahmad, 1997). Justeru itu gerakan Islam di Malaysia harus memberikan tumpuan kepada dakwah terhadap masyarakat Melayu.

Gerakan Islam mempunyai tanggungjawab sebagai *dai'* dan tidak hanya tertumpu kepada membantu dimensi sosial dan keperluan masyarakat sahaja tetapi dapat membantu manusia agar mereka mampu menolong diri sendiri mereka sendiri (Siddiq Fadhil, t.th). Menurut Siddiq Fadhil (1989) perjuangan dakwah gerakan Islam bukan sahaja dalam kegiatan lisan dan tulisan tetapi juga dalam segala aspek kehidupan sosial bermasyarakat dalam strategi memenangi hati masyarakat. Ini kerana potensi ahli-ahli gerakan Islam adalah berbeza-beza dalam kemampuan berdakwah. Setiap orang harus berdakwah mengikut kemampuannya agar penyampaian dakwah disampaikan dalam pelbagai kaedah.

Keperluan ini membawa kepada gerakan Islam di Malaysia untuk mempunyai acuan sendiri yang selari dengan persekitaran tempatan (*al-Manhajul-Maliziyy*), tidak harus diabaikan.<sup>15</sup> Sebagaimana yang diperkatakan oleh Fazlur Rahman dari University Chicago, Islam mengalami perkembangan pesat, kerana ‘*inner intensity of life*’ yang ada pada Islam. Gerakan Islam di Malaysia mesti digarap sepenuhnya ‘*inner intensity of life*’ bagi mengatasi isu-isu yang tidak diingini seperti individualism, materialism, kebebasan seks dan politik kotor. Menurut Ziauddin Sardar (1990) adalah menjadi tanggungjawab ummah untuk memberi perhatian kepada masa depan Islam dan tidak memperlihatkan kelemahan Islam.

Kesan peninggalan penjajah dapat dilihat bermula pada abad ke-20, umat Islam khususnya masyarakat Melayu di negara kita hidup dalam kesengsaraan dan kemelaratan, namun ini tidak dijadikan sebagai satu alasan untuk Islam menjadi kuat serta cemerlang. Ini diakui oleh Presiden Amerika, Richard Nixon telah mengajak pembuat-pembuat dasar Amerika supaya melihat Islam bukan sahaja sebagai suatu agama, tetapi adalah suatu tamadun besar yang sedang beraksi di pentas dunia (Muhammad Nur Manuty, 1993).

Dikebanyakan negara mereka menggunakan strategi untuk menghancurkan dan memeralatkan orang-orang agama yang naif dan ‘*opportunist*’ termasuk menekan dan menyikir mereka yang berwibawa (Fazlur Rahman, 1965). Namun di Malaysia, gerakan Islam memainkan peranan utama dalam menjaga dan mempertahankan agama Islam. Perjuangan Islam tidak mungkin akan tegak ditangan orang-orang yang jahil. Gerakan Islam mempunyai *fikrah Islamiyyah* dan *aqliyah Muslimah* dalam bimbingan dan orientasi *Ulum Islamiyah* serta *tarbiyah* ke arah kesepaduan ilmu yang diperjuangkan oleh gerakan Islam PAS, ABIM dan Jamaah Tabligh.

---

<sup>14</sup> Antaranya yang dikenal pasti akan menggugat akidah ummah ialah Islam dianggap sebagai agama warisan, tidak memahami tasawwur Islam yang komprehensif, tidak memahami sepenuhnya pengertian tentang Tauhid Uluhiyyah, Rububiyyah dan Sifatiyyah, Enlightenment’s Modernism dimana agama dipinggirkan dalam urusan kehidupan duniawi sementara sekularisme dianggap raja dunia, pentafsiran al-Quran secara bebas, berkembangnya aliran Feminisme, kemunculan aliran pasca moden yang menganjurkan fahaman ‘deconstructionism’ dalam pembacaan teks-teks tradisi Islam seperti al-Quran, adanya pendokong fahaman kesatuan agama (wahdat-ul-adyaan) yang mempergunakan dialog antara tamadun (Inter-civilizational dialogue) sebagai premis untuk mewajarkan fahaman yang mereka dokong kononnya semua agama adalah sama. Lihat Muhammad Nur Manuty, “Islam dan Jiwa Merdeka”, Ucapan Dasar, Mukhtar Sanawi ABIM ke-26, Kuala Lumpur : ABIM, 1997, hlm.8-14

<sup>15</sup> Dalam konteks ABIM, ini adalah kaedah yang berdasarkan pengalaman perjuangan ABIM. Menurut pencetus konsep ini iaitu Mantan Presiden ABIM ke 3, Dr Siddiq Fadhil, ia bererti ABIM mempertahankan model gerakan Islam yang mempunyai ciri-cirinya tersendiri yang beroperasi dalam lingkungannya yang serba unik tanpa menjadi Salinan karbon kepada mana-mana gerakan Islam di dunia. ABIM beroperasi dalam lingkungan alam Melayu dan sudah semestinya cabaran yang dihadapi berbeza dengan di tempat lain dan memerlukan formula yang mampu menghadapi cabaran dalam lingkungannya. Teras kegiatan bagi strategi umumnya meliputi 3 perkara iaitu kepimpinan antarabangsa model pembangunan sosial dan penggerak politik. Bagaimanapun ini tidak bertujuan menafikan manhaj Rasullullah SAW. Lihat Ahmad Azam Abd. Rahman, *Manhaj Maliziyy* dan lain-lain, dalam ABIM 1971-1997, Kuala Lumpur : ABIM, 1996, hlm.79.

Menurut Yusuf Qaradawi (1983), penubuhan gerakan Islam adalah selari dengan hala tuju perjuangannya iaitu penekanan terhadap ciri-ciri yang membezakan Islam dari agama, falsafah dan ideologi-ideologi yang dikenali oleh manusia ialah ciri 'asy-syumul' atau kemenyeluruhan dengan segala pembawaan maknanya yang merangkumi dan meliputi segala-galanya dalam aspek kehidupan.

### **ABIM: WADAH PENGGERAK BELIA ISLAM**

ABIM merupakan merupakan gerakan Islam yang berbentuk sebuah organisasi bukan kerajaan yang ditubuhkan dan bergerak secara aktif dalam usaha-usaha dakwah Islam. ABIM juga adalah sebuah badan gerakan belia Islam yang memainkan peranan penting untuk membawa perubahan kepada pembangunan di Malaysia. ABIM ditubuhkan pada 6 Ogos 1971.<sup>16</sup> Penubuhan ABIM dirasmikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datuk Hamzah Abu Samah di Dewan Al-Malik Faisal, diFakulti Pengajian Islam, UKM di Kuala Lumpur.<sup>17</sup> Pendaftaran ABIM sebagai gerakan Islam telah diluluskan oleh Pejabat Pertubuhan Malaysia pada 17 Ogos 1972 dengan nombor pendaftaran 1161.<sup>18</sup> PKPIM adalah penaja kepada gerakan ini.<sup>19</sup>

ABIM diilhamkan oleh sekumpulan belia Islam yang telah menjalani dan menghadapi persediaan yang lama dan lengkap sebagai pekerja-pekerja Islam (da'i) di university-universiti dan maktab-maktab dalam dan luar negeri. Gerakan Islam ini akan dijadikan sebagai landasan baru bagi aktivis-aktivis PKPIM yang akan meninggalkan alam kampus dan dapat meneruskan perjuangan dakwah dan kegiatan Islam mereka. Ini juga berkaitan dengan hakikat bahawa belum ada lagi satu persatuan belia Islam yang benar-benar dapat mewakili belia-belia Islam di Malaysia ketika itu (Majalah Dialog, 1975).

Menurut Sanusi Junid, beliau mencadangkan supaya pertubuhan ini dinamakan sebagai Angkatan Dakwah Malaysia (ADAM). Bagaimanapun Anwar Ibrahim selaku Presiden PKPIM pada waktu itu, dan beberapa orang sahabat mereka yang lain tidak setuju dengan cadangan tersebut, sebab ini akan menyekat peluang mereka untuk bergiat

<sup>16</sup> Buku Cenderemata. Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia Muktamar Agung SANAWI ke-10, hlm.26.

<sup>17</sup> Buku Cenderamata Muktamar Sanawi ABIM ke-24 pada 11 September 1996.

<sup>18</sup> Sijil Pendaftaran Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Pendaftaran Pertubuhan Malaysia. 17 Ogos 1972. Lihat juga Buku Cenderamata. Jamuan Ramah Mesra ABIM-Wartawan, Anjuran ABIM, Holiday Inn City Centre, Kuala Lumpur, 29 Januari, hlm.5.

<sup>19</sup> Ibid, hal.3. Antara ahli jawatankuasa penajanya, iaitu

Pengerusi	: Anwar Ibrahim
Setiausaha	: Fauzi Abdul Rahman
Bendahari	: Sanusi Junid
Jawatankuasa	: Mohd Zain Haji Hamzah : Dasuki Haji Ahmad : Mahmud Kitom
Jawatankuasa (dijemput)	: Haji Suhaimi Datuk Kamaruddin (Penasihat Undang-undang) : Abdullah Malam Baginda (Wakil KKBS)

Ahli Jawatankuasa Penaja Rasmi 1971

Presiden	: Wahab Abdullah
Timbalan Presiden	: Sulaiman Nor
Timbalan Presiden	

Antarabangsa	: Wan Ismail Wan Ibrahim
Setiausaha Agung	: Fauzi Abdul Rahman
Setiausaha Kewangan	: Syed Ibrahim Syed Abdul Rahman
Naib Setiausaha Agung	: Ahmad Ismail Ridzuan Halim
Setiausaha Kebajikan	: Mahmud Kitom
Setiausaha Perhubungan	: Anwar Ibrahim
Setiausaha Dakwah	: Sanusi Junid
Setiausaha Wanita	: Faridah Tan Sri Hussein

(Lihat "Angkatan Belia Islam Malaysia (1971-1976): Senarai 25 Tahun Pimpinan ABIM Pusat", Buku Cenderamata Mengimbuai 25 tahun Perjuangan ABIM, Kuala Lumpur, 1996, hlm.2).

dan memimpin ABIM, ketika mereka mencapai status belia selepas tidak lagi menjadi pelajar.

### **ABIM Sebagai Gerakan Dakwah**

Gerakan dakwah ABIM mempunyai visi “Membina dan Memimpin Tamadun Khayra Ummah”. Manakala misi ABIM ialah ‘Gerakan Dakwah yang Komprehensif untuk Merealisasikan Cita-cita Islamiah”. Presiden ABIM ketiga, Siddiq Fadhil dalam ucapan dasarnya di Mukhtar Sanawi ABIM ke-11, bertajuk “Garis-garis Besar Haluan Perjuangan” menyatakan matlamat perjuangan ABIM secara jelas:

*“Membawa manusia mengabdikan diri seutuhnya dan setulusnya kepada Allah SWT, mengabdikan dalam erti yang setulennya dan seluas-luasnya tunduk kepada ajaran samawi, dengan mengambil “Manhaj Rabbaniyy” sebagai tatahidup yang melandasi dan mendominasi segala aspek kehidupan, iaitu meliputi perkara-perkara berikut: iaitu Pembinaan Sahsiah Islam, Pembinaan Keluarga Islam, Pembinaan Ummah Islam, Pembinaan Negara Islam, Pembinaan Dunia Islam dan Pembinaan Khalifah Islam”* (Siddiq Fadhil, 1992).

Menurut Siddiq Fadhil, cita-cita ABIM adalah untuk membawa manusia kepada pengabdian diri kepada Allah. Namun demikian ABIM terpaksa menghadapi pelbagai halangan dan cabaran khususnya ketika ramai dalam kalangan ahli ABIM meninggalkan pertubuhan itu pada dekad 1980-an. Lontaran idea oleh Siddiq Fadhil ini menjadi semangat bagi menghadapi rasa tidak puas hati dalam kalangan ahli ABIM dengan keputusan ABIM Pusat terpaksa melepaskan Anwar Ibrahim menyertai parti UMNO. Siddiq Fadhil menggariskan lima gagasan dakwah ABIM iaitu:

1. Pembinaan sahsiah Islamiah
2. Pembinaan keluarga Islamiah
3. Pembinaan ummah Islamiah
4. Pembinaan daulah / negara Islamiah
5. Pembinaan khilafah Islamiah.<sup>20</sup>

Lima gagasan ini adalah penting dalam perjuangan dakwah Islam ABIM iaitu amar maruf nahi mungkar. Gagasan ini juga dapat memberikan kekuatan kepada seluruh ahli ABIM dalam meneruskan program dakwah dan tarbiah dalam masyarakat Islam di Malaysia. Ini kerana penubuhan ABIM yang dijalankan sejak awal tahun 1969<sup>21</sup> oleh PKPIM yang merupakan sebuah persatuan yang menjadi badan induk pelajar-pelajar Islam di Malaysia pada tahun 1960-an dan 1970-an. Ahli-ahli PKPIM tidak layak menjadi ahli kerana hilang taraf sebagai seorang pelajar yang berusaha mencari wadah baru untuk meneruskan perjuangan Islam.<sup>22</sup>

Langkah penubuhan ABIM dapat meneruskan perjuangan PKPIM kerana mempunyai semangat, idealisme dan matlamat yang sama. Walaupun pada ketika itu terdapat pertubuhan-pertubuhan belia seperti Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Malaysian Association of Youth Club (MAYC) dan Pertubuhan Belia 4B, namun tidak ada pertubuhan belia yang benar-benar memperjuangkan Islam secara menyeluruh. ABIM membawa semangat dan idea yang sama dengan PKPIM dengan gerak kerja yang lebih luas dan menyeluruh khususnya dalam menghadapi Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) (Judith Nagata, 1984).

---

<sup>20</sup> Ucapan Dasar, Pemangku Presiden, Siddiq Fadhil, Mukhtar ABIM ke-11, Garis-garis Besar Haluan Perjuangan, 1982, hlm.4

<sup>21</sup> Aktivistis PKPIM menyedari keperluan untuk menubuhkan sebuah wadah baru bagi meneruskan idealism perjuangan pada masa akan datang setelah tamat pengajian di institusi pengajian tinggi. Kesedaran yang tinggi bagi keperluan sebuah Persatuan Belia Islam yang mewakili seluruh belia-belia Islam di Malaysia. Lihat Kamaruzaman Arifin (1983), ABIM: Satu Tinjauan Sepintas Lalu, Latihan Ilmiah. Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah Universiti Malaya, hlm.4. Lihat juga Majalah Dailog, keluaran Oktober / November 1975, hlm. 60.

<sup>22</sup> Buku Cenderamata, Mukhtar Sanawi PKPIM ke-8.

Keterbatasan PKPIM yang hanya dalam kalangan pelajar dan mahasiswa university (Judith Nagata, 1981) sahaja membawa kepada penubuhan ABIM yang berfungsi sebagai sebuah badan dakwah atau harakah Islamiah yang memperjuangkan tuntutan Islam secara menyeluruh.<sup>23</sup> Pada dasarnya ABIM merupakan sebuah gerakan Islam yang menjadi pelengkap kepada gerakan atau pertubuhan Islam yang sedia ada di Malaysia, kerana kumpulan-kumpulan dakwah yang wujud mempunyai perbezaan dari aspek pendekatan dan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan.

### **PENDEKATAN DAKWAH GERAKAN ISLAM ABIM**

ABIM atau Angkatan Belia Islam Malaysia adalah merupakan wadah gerakan Islam kepada bekas aktivis pelajar di institusi pengajian tinggi khususnya PKPIM. ABIM adalah sebuah pertubuhan dakwah Islam yang terdiri daripada tenaga intelektual muda dan tokoh-tokoh agama menjadikan gerakan Islam ini sebagai gerakan dakwah semasa yang terpengaruh dengan *manhaj* kesufian Ikhwan al-Muslimin yang dianggap model gerakan dakwah yang moderate dan bersistematik. Ini dapat dilihat daripada enam tahap pendekatan ABIM yang menyamai *manhaj* perjuangan Ikhwan yang diutarakan oleh Hassan al-Banna, iaitu; pertama, membina sahsiah Islamiah, kedua membina keluarga Islam, ketiga, membina ummah Islamiah, keempat, membina Daulah Islamiah, kelima, membina Dunia Islam dan keenam, membina khilafah Islamiah (Siddiq Fadhil, 1989).

Penekanan aspek utama utama iaitu ke arah pembinaan sahsiah Islamiah menyebabkan ABIM memberikan tumpuan kepada proses tarbiyah dalam konteks harakah Islamiah. Ia menekankan aspek pembinaan iman (*al-janib al-imani*) menerusi ketekunan beribadat (*tanassuk taqarrub*) dan mendekati Allah dengan menegakkan syiar-syiarnya. Tarbiyah dalam konteks harakah juga harus menyeluruh, mencakupi aspek-aspek rohani, jasmani dan akli serta menggenapi semua bidang kehidupan; politik, sosial, jihad dan lain-lain. Tarbiyah dalam bentuk ini diharap dapat membina suatu kelompok terpilih (*al-safwah al-mukhtarrah*) yang melahirkan para da'i berorientasikan; *sufiyyun bihaithi mina 'n-nahiyati ruhiyyah wa 'askariyyun baht mina 'n-nahiyati l-amaliyyah* (berorientasikan sufi semurninya dari segi kerohanian dan ketenteraan setulennya dari segi kerja dan tindakan) (Siddiq Fadhil, 1989).

ABIM tidak menggunakan mana-mana model pendekatan tarekat tasawuf tempatan, sebaliknya mengikuti *manhaj tarbiyyah ruhiyyah* Ikhwan dalam rangka membina kerohanian ahlinya sebagai persiapan untuk berdakwah. Hasilnya ABIM mengikuti proses tarbiyah Ikhwan melalui usrah, bacaan *ma'thurat*, *qiyam al-layl*, rehlah dan lain-lain kegiatan (Siddiq Fadhil, 1989).

Asuhan *tarbiyyah ruhiyyah* dalam ABIM membentuk sikap dan pendekatan yang lunak dalam berdakwah. ABIM amat menitikberatkan akhlak yang murni dalam menonjolkan imej pendakwah yang mithali. Gerakan ini menolak pendekatan keras dan kasar dalam berdakwah, sebaliknya menekankan aspek hikmah dan lemah lembut sebagaimana prinsip yang ditekankan oleh Hassan al-Banna berikut:

*"Jadilah seperti pohon yang dibaling orang dengan batu tetapi ia menggugurkan buah buat mereka (kunu ma'a ka'sh-syajaryarmunahu bi al-hajar yarmihim bi al-thamar)."*

Bagi ABIM, ahlinya bukanlah seorang penghukum, tetapi adalah seorang pendakwah yang menyebarkan kesejahteraan di muka bumi. Oleh itu, ABIM tidak tertarik untuk berdakwah secara retorik sebaliknya bergerak aktif dalam kegiatan kemasyarakatan bagi menarik seramai mungkin khalayak kepada Islam (Siddiq Fadhil, 1989).

---

<sup>23</sup> Ciri-ciri gerakan Islam, Lihat Said Hawa (1985), *Pengenalan Dakwah Ikhwanul Muslimin*, Pustaka Damai, Kuala Terengganu, hlm. 8-9. Lihat juga Ucapan Dasar Presiden, Muktamar ABIM ke-10, di Dewan Tuanku Canceled, Universiti Malaysia, Kuala Lumpur, 9hb. Ogos, 1981, hlm.9-10.

ABIM menggunakan pendekatan *manhaj Maliziy* (Pendekatan KeMalaysiaan) iaitu konsep yang diungkapkan oleh Siddiq Fadzil<sup>24</sup> iaitu beroperasi dalam lingkungan nya tersendiri tanpa meniru secara total mana-mana gerakan Islam (Ahmad Azam Abd Rahman, 2009 & Ahmad Azam Abd Rahman, t.th). ABIM yakin bahawa pendekatan dakwah *manhaj Maliziy* ini mampu membangunkan Islam di Malaysia (Ahmad Azam Abd Rahman, t.th) yang selaras dengan dasar *non-partisan* dan *Independence political force* yang melibatkan diri secara langsung dalam proses politik negara tanpa menjadi parti politik. ABIM juga mempengaruhi iklim politik negara agar ia mendorong ke arah Islamisasi yang berkesan dan bermakna (Ahmad Azam Abd Rahman, t.th).

Satu lagi yang mendasari konsep *manhaj Maliziy* ialah konsep *Partner in Nation Building* iaitu Rakan dalam Pembinaan Negara Bangsa (Khairul Ariffin Mohd Munir, 2006). Agenda perpaduan Ummah sentiasa menjadi tema utama dalam *manhaj Maliziy* yang membuatkan orang Melayu tidak mampu untuk berpecah belah (Khairul Ariffin Mohd Munir, 2006).

Pendekatan ini telah menjadi dasar utama gerakan dalam menangani perkembangan dakwah semasa dengan melaksanakan strategi dakwah secara lebih berhikmah dan berkesan dengan melakukan pemindahan pemimpin dan ahlinya ke dalam PAS dan UMNO seperti Fadhil Noor dan Abdul Hadi Awang telah menyertai PAS dan seterusnya Anwar Ibrahim yang menyertai UMNO. Kedua-dua strategi ini adalah untuk melaksanakan dakwah dan tarbiyah dalam organisasi dan mempengaruhi sikap dan amalan kerohanian Islam itu sendiri. Pelaksanaan konsep kepimpinan Ulama dalam PAS dan penerapan nilai-nilai Islam dalam UMNO secara tidak langsung menggambarkan beberapa dasar dan konsep tasawuf moden ABIM, khususnya berkaitan dengan pendekatan *tarbiyyah ruhiyyah* telah menjalar dalam arus perdana politik negara (Jomo Kwame Sundram & Ahmad Shabery Cheek, 1988).

ABIM menjadikan pendekatan *manhaj Maliziy* sebagai pendekatan yang tidak bergantung *manhaj* gerakan-gerakan yang lain seperti Ikhwan Muslimin di Timur Tengah dan Jama'at Islami di India dan di Pakistan atau pendekatan siasah revolusioner dari Iran (Mohd Farid Mohd Shahrin, 2007). Hal yang demikian ini bermakna ABIM mengambil pendekatan dakwah mengikut acuan Malaysia tanpa meniru gerakan-gerakan Islam dari luar negara. ABIM hanya mengambil pengalaman-pengalaman rakan gerakan Islam luar negara sebagai pengalaman yang mesti dijadikan ikhtibar kepada gerakan Islam Malaysia.

Berdasarkan daripada pengalaman tersebut maka ABIM telah komited menghulurkan bantuan kemanusiaan kepada masyarakat Islam yang ditimpa musibah dengan penubuhan *Global Peace Mission* (GPM) yang ditubuhkan pada 26 September 2001.<sup>25</sup> Ini kerana lebih 80 peratus aktiviti GPM dijalankan di luar negara yang merangkumi aspek bantuan kecemasan dan kemanusiaan, pendidikan, ibadah korban dan aqiqah serta tajaan pembinaan rumah anak yatim. Kesungguhan ABIM dalam melaksanakan tanggungjawab untuk membantu umat Islam yang ditindas di luar negara merupakan Misi Keamanan Sejagat (KMS) bagi membantu umat Islam yang ditindas di luar negara.<sup>26</sup> Misi ini juga merupakan misi antarabangsa yang bersifat gerakan Islam, ABIM berjuang tanpa mengira sempadan geografi.

Misi yang dibawa oleh GPM-ABIM adalah untuk memikul amanah bagi memastikan umat Islam yang tidak bernasib baik dapat dibendung. GPM banyak menjalankan operasi di luar negara seperti Afghanistan, Kashmir, Pakistan, Sri Lanka, Indonesia, Timur Leste, Cambodia, Vietnam, Australia, Iraq, Iran dan Azerbaijan (pelarian Chechnya).<sup>27</sup> ABIM melebarkan misi gerakan dakwahnya melalui *Global Peace Mission*, khususnya di negara-negara yang memerlukan idea pemikiran bagi melaksanakan Islam sebagai *ad-din*.

<sup>24</sup> Kertas Dasar 'Manhaj Maliziy oleh Siddiq Fadzil.

<sup>25</sup> Laporan Tahunan, Sekretariat Antarabangsa, Muktamar Sanawi ABIM ke-34, hlm.70.

<sup>26</sup> Ibid.

<sup>27</sup> Ibid. Lihat Siaran Media ABIM, UHNCR Still has no Room for Rohingya Refugees, 31 Januari 2002, No-3-2, Jln 46B/26, Pusat Bandar Sri Rampai, Kuala Lumpur.

## **PENDEKATAN DAKWAH GERAKAN ISLAM ABIM DALAM ASPEK KEMASYARAKATAN**

ABIM memberi penekanan kepada pembinaan sahsiah Islamiah, dalam masyarakat Islam iaitu ke arah kehidupan yang menyeluruh meliputi aspek rohani, jasmani, intelek dan emosi (Siddiq Fadhil, 1982). Amal yang berterusan dalam proses membentuk peribadi luhur dapat membina kekuatan diri dan bermanfaat kepada masyarakat (Siddiq Fadhil, 1982). ABIM bertanggungjawab untuk menggerakkan dakwahnya secara meluas dengan pelbagai kaedah dengan memberikan kesedaran kepada masyarakat umum khususnya para belia. Siddiq Fadhil (1982) menegaskan:

*“Pembinaan ini harus meliputi dan sekali gus mengimbangi aspek rohani, jasmani dan akli menerusi amal yang berterusan dalam proses Islahu’n-Nafs sehingga terbentuk peribadi yang berciri”.*

Ahli ABIM dilatih melalui pelbagai program pendidikan secara tidak formal seperti usrah, *tamrin*, seminar dan wacana bagi membolehkan terbentuknya akhlak Islamiah yang baik. Pembentukan peribadi yang berkualiti adalah penting dalam memastikan masa depan dakwah Islamiah berjalan dengan sempurna. Apabila sudah lahir petugas-petugas yang berkualiti maka program dakwah yang dirancang oleh ABIM dapat dimanfaatkan oleh masyarakat. ABIM merencana beberapa strategi yang penting bagi memantapkan organisasi iaitu dakwah,<sup>28</sup> islah<sup>29</sup> jihad<sup>30</sup> dan jurubicara umat<sup>31</sup>.

Konsep dakwah yang dilaksanakan oleh ABIM adalah untuk memberikan ajaran sepenuhnya Islam kepada masyarakat bagi membentuk sebuah *Daulah Islamiah* atau Negara Islam. ABIM mengharapkan perubahan masyarakat yang menyeluruh bagi meningkatkan kesedaran penghayatan Islam. Risalah dakwah yang dibawa oleh ABIM merupakan tunjang utama gerakan ABIM. Dengan adanya perencanaan secara berstrategi ini, ABIM menjadi sebuah organisasi yang dihormati di dalam dan di luar negara. Strategi ini juga memperlihatkan ABIM sentiasa bergerak di atas landasan syariat Islam dalam apa jua program yang hendak dilaksanakan. ABIM melaksanakan program usrah sebagai program wajib untuk membentuk ikatan dan *ukhuwah Islamiah* (Persaudaraan Islam).<sup>32</sup>

Dengan adanya program ini pemikiran atau fikrah Islam antara ahli dapat disatukan walaupun mereka tidak mengenali antara satu sama lain tetapi mampu menjadi model dari segi akhlak Islam dalam kalangan masyarakat Melayu. Melalui usrah, konsep *tamrin* atau latihan kepimpinan diterapkan bagi membentuk jati diri ahli. Konsep *tamrin* lebih menyeluruh yang mencakupi tarbiah (latihan) bagi mengendalikan organisasi, kepimpinan dan pendekatan dakwah.<sup>33</sup>

Pelaksanaan *tamrin* bergantung kepada keperluan semasa dan bersifat tahunan dan dibentuk dalam lima zon bagi menyelaraskan program ini yang dianggap dapat mempertingkatkan kualiti kepimpinan (*Qiadah*) dan melahirkan pekerja-pekerja Islam yang komited dan istiqamah.<sup>34</sup> Dalam organisasi ABIM, program usrah dan *tamrin* merupakan aktiviti yang paling penting. Kedua-dua program ini amat penting dan tidak boleh ditinggalkan. Kedua-duanya merupakan nadi kepada ABIM. Tegas Yang Dipertua ABIM Perak, Ahmad Abdullah:

*“Jatuh bangunnya ABIM bergantung setakat manakah keberkesanan program usrah di setiap daerah dan unit. Usrah merupakan proses membina kekuatan peribadi dan*

---

<sup>28</sup> Dakwah bermaksud meratakan risalah dan kesedaran Islamiah kepada masyarakat sejagat yang dituntut oleh Islam.

<sup>29</sup> Islah merupakan satu bentuk perubahan kepada sesebuah masyarakat yang cemerlang atau madani. Perubahan yang diharapkan adalah perubahan yang menyeluruh dari aspek politik, ekonomi dan sosial.

<sup>30</sup> Jihad merupakan faktor penting bagi memastikan gerakan dakwah berjalan secara berterusan. Ahli-ahli ABIM dididik dan dilatih supaya semangat jihad terus menjadi pegangan pendukung harakah Islam khususnya ABIM.

<sup>31</sup> Jurubicara umat merupakan strategi ABIM, sebagai satu saluran kepada umat Islam untuk menyatakan pandangan dan pendapat bagi memperbaiki kehidupan dalam masyarakat.

<sup>32</sup> Ucapan Dasar, Muktamar Sanawi ABIM ke-4, Kolej Islam Kelang, 7 Disember 1975, hlm.2

<sup>33</sup> Kebangkitan Islam di Malaysia: Peranan ABIM. Kuala Lumpur. Biro Penerangan ABIM, 2002.

<sup>34</sup> Laporan Tahunan, ABIM Pusat, 1979, hlm.3.

*perjuangan melaksanakan dakwah. Jika sekiranya usrah tidak berjalan dengan baik maka pincanglah program-program dakwah yang akan dilaksanakan. Jika sekiranya tiada berlaku usrah, maka dengan sendirinya tiada berlaku program-program besar dakwah”.<sup>35</sup>*

Usrah menjadi nadi gerakan ABIM, kelantangan intelektual yang ditunjukkan oleh ABIM sebagai organisasi dakwah Islamiah yang komprehensif bergantung kepada proses pemikiran dan perbincangan semasa usrah dan diperkukuh melalui program *tamrin*. Kejayaan program usrah diakui kerana:

*“Hari ini kita dapat lihat bagaimana sebagai gerakan belia yang berpengaruh, ABIM telah berjaya dari sudut perkaderan apabila dilihat sebagai platform kepada golongan muda untuk menjadi pemimpin”* (Zulkiple Abd Ghani & Mohd. Syukri Yeoh Abdullah, 2005).

Pendekatan usrah dan tamrin yang dilaksanakan oleh ABIM berjaya meninggalkan kesan yang mendalam kepada kehidupan masyarakat Melayu di Malaysia. Usaha ABIM dalam pelbagai peringkat usrah dan *tamrin*, berjaya mengubah pemikiran masyarakat dan memberikan kefahaman bahawa Islam sebagai suatu cara hidup yang mencakupi pelbagai dimensi kehidupan (Abdul Halim al-Muhammady, 2005).

Pembinaan peribadi muslim melalui program usrah dan tamrin merupakan usaha penyediaan aktivis pendukung harakah Islam ABIM.<sup>36</sup> Usrah juga merupakan pendidikan secara tidak formal yang dapat mengukuhkan ikatan persahabatan di antara ahli ABIM dan menjadikan ABIM mampu menggerakkan aktiviti dakwah. Ini kerana setiap individu dalam masyarakat mesti memiliki ilmu yang cukup dan membina beberapa adab yang mulia untuk menjayakan dakwahnya (Risalah, 2001).

#### **PENDEKATAN DAKWAH GERAKAN ISLAM ABIM DALAM ASPEK PENDIDIKAN**

Sejak awal penubuhannya, ABIM memberikan tumpuan yang meluas terhadap pendidikan terutama mengenai dasar, kurikulum dan falsafah pendidikan yang dilaksanakan di negara ini. Dengan kesedaran tersebut, ABIM melaksanakan aktiviti wacana dan seminar pendidikan bagi merangsang kesedaran terhadap keperluan mendidik generasi muda berasaskan kefahaman Islam. Hasilnya menimbulkan kesan positif yang menggalakkan dalam kalangan masyarakat yang berminat bagi melakukan reformasi pendidikan diperingkat nasional, yang bertunjangkan sistem nilai (Sidek Baba, 1993).

Bagi mendukung hasrat melahirkan insan yang seimbang, reformasi pendidikan berjaya menghasilkan Falsafah Pendidikan Negara yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996.<sup>37</sup> Masyarakat Islam khususnya orang Melayu bimbang dengan pelbagai pengaruh asing, pendidikan yang berteraskan pemikiran Barat yang berfahaman kebendaan semata-mata tanpa pendidikan agama. Sistem pendidikan sekular Barat yang diperkenalkan oleh penjajah British amat merisaukan masyarakat. Keperluan untuk melaksanakan sistem pendidikan diketengahkan oleh ABIM supaya dapat melahirkan generasi berilmu dan bertakwa yang berkeupayaan mencapai kesejahteraan masyarakat dan negara. Catatan sejarah memaparkan kedatangan British menggugat kedudukan agama Islam dan sistem sosial masyarakat Melayu. Menurut Sufian Hussain:

*“Campur tangan Inggeris di Tanah Melayu pada tahun 1896 telah membuka pintu untuk kemasukan pendakwah Kristian dan kemasukan kaum Cina dan kaum India. Pendakwah Kristian mendapat sokongan daripada kerajaan Inggeris telah menubuhkan sekolah rendah dan menengah di negeri-negeri Selat (Melaka, Pulau Pinang dan Singapura) dan di negeri-negeri Melayu Bersekutu (Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang). Penubuhan*

<sup>35</sup> Ucapan dasar, Yang Dipertu ABIM Perak, Mukhtar Sanawi ABIM Perak ke-33, Maha'ad Al- Ummah, Chemor, Ipoh, Perak, Pada 1.7.2005.

<sup>36</sup> Ucapan Dasar, Mukhtar Sanawi ke-11, Garis-Garis Besar Haluan Perjuangan, Siddiq Fadhil, Pemangku Presiden ABIM. Di Dewan Al-Malik Faisal, Maktab Perguruan Islam, Petaling Jaya, Selangor, 3-5 September 1982, hlm.21-22.

<sup>37</sup> Akta Pendidikan 1996 (AKTA 550) dan Peraturan-Peraturan Terpilih, International Books Store, Kuala Lumpur.

*sekolah-sekolah misionari Kristian yang mempunyai orientasi kurikulum kebaratan dan sekular telah dianggap oleh orang Melayu sebagai satu ancaman kepada agama dan budaya hidup mereka” (Sufian Hussain, 1998).*

Bagi mengatasi isu-isu pendidikan, ABIM bertindak menghantar memorandum pelajaran 1974 kepada Kementerian Pelajaran Malaysia bagi memohon kementerian mengawasi tadika-tadika yang dianjurkan oleh badan-badan atau pertubuhan asing di negara ini. Kebimbangan ABIM itu mempunyai asas yang kukuh kerana sekolah misionari Kristian tidak dipantau oleh pihak kerajaan. Memorandum tersebut menegaskan: *“Kementerian Pelajaran perlu mengambil tindakan untuk menyelaraskan sukatan pendidikan yang diberi di tadika-tadika di seluruh negara bagi menjamin perkembangan sihat tadika-tadika selaras dengan matlamat Pendidikan Negara”*.<sup>38</sup>

ABIM juga mendesak kerajaan agar menyelaras sukatan pelajaran yang diberikan di seluruh negara untuk menjamin perkembangan pendidikan selaras dengan matlamat dan falsafah pendidikan negara.<sup>39</sup> ABIM menjadikan pendidikan sebagai pendekatan dakwah yang paling berkesan dalam perjuangan membina masyarakat. ABIM yakin Islam sebagai agama ilmu dan pendidikan sebagai asas utama pembinaan insan. ABIM menggariskan dasar pendidikan bersepadu yang merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Seajar dengan pendukung-pendukung, ABIM yang meletakkan aspek intelektualisme dalam gerakan mereka, program-program pendidikan diberi keutamaan. Memang bidang-bidang kehidupan lainnya juga penting, tetapi bidang pendidikanlah yang lebih ditekankan (Abdul Rahman Hj. Abdullah, 1998).

ABIM mendokumentasikan Falsafah Pendidikan Islam iaitu: *“Pendidikan adalah suatu usaha berterusan ke arah perkembangan individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang harmonis dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Allah. Usaha ini bagi melahirkan insan yang berilmu berpengetahuan dan bertanggungjawab sebagai hamba dan khalifah yang boleh memberikan sumbangan kepada ummah”* (Abdul Rahman Kurais, 1992).

Bagi menyahut Falsafah Pendidikan Islam ini, ABIM menterjemahkannya dengan melaksanakan program-program pendidikan yang lebih tersusun bagi mencapai hasrat murni dan cita-cita perjuangan. Gagasan pendidikan yang dikemukakan kepada masyarakat menjadikan ABIM lebih matang dalam memperjuangkan idealismenya (Mohd Azhar Bahari & Ishak Saat, 2014).

Tinjauan terhadap gagasan dan perjuangan ABIM yang bercorak reformisme ini terbatas sepanjang pimpinan Anwar Ibrahim sebagai Presidennya sahaja. Semenjak beliau bergerak aktif dalam UMNO dan pimpinan ABIM dipegang oleh Dr. Siddiq Fadil dan kemudiannya oleh Dr. Muhammad Nur Manuty, gagasannya adakalanya berbaur antara corak reformasi dengan corak modenisme. Antara program reformasinya itu, yang terpenting sekali ialah dalam bidang pendidikan dan ekonomi. Dalam bidang pendidikan antara projek ABIM yang cukup penting ialah penubuhan Institut Ilmu-Ilmu Islam (IPI) yang dipimpin oleh tokoh-tokoh seperti Dr. Nik Aziz Nik Pa dan Dr. Ghazali Basri (Abdul Rahman Hj. Abdullah, 1998).

Kenyataan ini menunjukkan bahawa pemimpin ABIM mempunyai kesungguhan bagi memastikan model pendidikan Islam dilaksanakan. Pendidikan penentuan kehidupan dan pendidikan juga merupakan proses penyelamat umat. Manusia dan kehidupan dapat diselamatkan dengan mengembalikan pendidikan kepada peranan asal. Pendidikan perlu dijadikan wadah pentamadunan (Siddiq Fadhil, 2007). Pendidikan bukanlah hanya memberikan tunjuk ajar kepada masyarakat. Perkara ini adalah satu

---

<sup>38</sup> Memorandum Pelajaran ABIM kepada Kementerian Pelajaran, 1974, hlm.6.

<sup>39</sup> Memorandum Pelajaran 1974, kepada Menteri Pelajaran, Dr Mahathir Mohammad.

proses bagi sesebuah negara menanam dan memupuk kesedaran dan keinsafan ke atas rakyatnya (Khursid Ahmad, 1979).

Falsafah Pendidikan ABIM, telah menjadikan ABIM sebuah pertubuhan yang terawal mewujudkan institusi pendidikan prasekolah Islam iaitu Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKI) sejak akhir tahun 1970-an. Kursus pengurusan TASKI pertama dilaksanakan pada tahun 1979 bertempat di Madrasah Makarimul Akhlak, Langgar, Kedah. Inisiatif yang dilaksanakan oleh pimpinan ABIM negeri Kedah yang dipimpin oleh ustaz Niamat Yusuf<sup>40</sup> ini telah menubuhkan kelas prasekolah di merata tempat dalam negara dan usaha ini menjadikan salah satu wadah perjuangan.

TASKI ABIM menggunakan komponen kurikulum pendidikan perkembangan awal kanak-kanak dapat menimbulkan minat murid terhadap amalan membaca doa harian dan mengamalkannya dalam kehidupan harian.<sup>41</sup> Manakala kelas Tahfiz al-Quran juga ditubuhkan sekitar tahun 1983, terutama di Selangor, Pahang, Kuala Lumpur dan Kelantan dengan menggunakan Kurikulum Tahfiz dengan pendekatan 5M iaitu menulis, membaca, menghafaz, memahami dan menghayati al-Qur'an. Sehingga kini terdapat 65 buah kelas Tahfiz al-Qur'an di seluruh Malaysia.<sup>42</sup> Kelas ini bertujuan untuk menampung murid lepasan TASKI yang telah memasuki Sekolah Rendah Kebangsaan.<sup>43</sup>

ABIM Pusat melalui biro pendidikannya telah menubuhkan Sekolah Rendah Islam (SERI) pada 3 Januari 1989. Dengan perkembangan pesat TASKI, ABIM telah melaksanakan kurikulum sekolah rendah. SERI menggunakan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) Kementerian Pendidikan Malaysia. Objektif penubuhan SERI ABIM ialah menyesuaikan dan memupuk sahsiah Islamiah serta membekalkan asas kemahiran hidup yang membolehkan pelajar menghadapi alam kehidupan yang lebih mencabar. SERI ABIM disasarkan kepada kanak-kanak lepasan TASKI ABIM, berumur antara tujuh tahun hingga 12 tahun (Hasbullah Abdul Rahman, 1989). SERI ABIM yang pertama ditubuhkan di Pusat Latihan ABIM, Sungai Ramal Dalam, Kajang, Selangor.

Kewujudan SERI ABIM Pusat, sebagai contoh (*role model*) kepada perkembangan SERI ABIM di negeri-negeri. Antara negeri yang menubuhkan SERI ialah Perak, Wilayah Persekutuan, Kedah, Johor, Negeri Sembilan, Kelantan dan Pahang. Penubuhan SERI ABIM sama ada di peringkat pusat mahupun peringkat negeri telah berjaya mempengaruhi masyarakat dan kerajaan agar memberikan lebih pengajaran Pendidikan Islam kepada pelajar-pelajar sekolah rendah. ABIM dilihat lebih menumpukan perhatian kepada perkembangan Pendidikan peringkat awal kanak-kanak. Setiap negeri dan daerah diarahkan untuk menubuhkan TASKI tetapi sebaliknya penubuhan SERI bergantung kepada kemampuan ABIM negeri dan ahli-ahlinya. Dalam setiap mesyuarat tahunan, laporan daripada Biro Pendidikan ABIM dibentangkan kepada ahli tentang perkembangan sekolah-sekolah ABIM.

Bagi memastikan kesinambungan kurikulum pendidikan bersepadu Sekolah Rendah Islam (SERI) dilanjutkan diperingkat menengah, Sekretariat Biro Pendidikan ABIM merumuskan untuk menubuhkan Sekolah Menengah Islam (SEMI). Langkah gerakan Islam ABIM ini sekurang-kurangnya dapat memberi ruang kepada pelajar lepasan Sekolah Rendah Islam menyambung pelajaran diperingkat menengah. Pihak Biro Pendidikan ABIM dalam konvensyennya merumuskan penubuhan SEMI yang mengikut model Kolej Islam Klang atau Sekolah Menengah Agama Persekutuan (SMAP) dan Sekolah Menengah Agama (SMKA), dengan kurikulum tambahan dalam pengajian Islam dengan penerapan nilai-nilai Islam. Selain dari itu, SEMI juga harus menyediakan aktiviti kokurikulum bagi memantapkan pelajar dengan cara hidup Islam. SEMI pertama ditubuhkan pada 18 Disember 1989, di bangunan kedai dua tingkat, Jalan Persiaran Chepor 1, Taman Mas,

---

<sup>40</sup> Ustaz Niamat Yusuf, merupakan Yang Dipertua ABIM Negeri Kedah yang pertama, Sebuah Jawatankuasa Perintis telah ditubuhkan bagi membina model prasekolah yang berteraskan Islam bagi menanam nilai-nilai murni Islam secara formal.

<sup>41</sup> Buku cenderamata, TASKI ABIM, Malam Tautan Ukhuwah, ABIM Kedah, Muktamar Sanawi ke-26.

<sup>42</sup> Laporan Muktamar ABIM Pusat ke 32, Biro Pendidikan ABIM.

<sup>43</sup> Tahfiz, 25 Tahun ABIM, hlm.97

Chemor, Perak Darul Ridzuan. Walaupun tidak menerima bantuan daripada pihak kerajaan, SEMI mampu melahirkan pelajar-pelajar yang berwibawa dari aspek rohani, emosi, jasmani dan intelek. Namun begitu, sehingga tahun 2003 permohonan daripada masyarakat untuk menghantar anak belajar di SEMI-ABIM tidak dapat ditunaikan kerana kemudahan penginapan dan kelas tidak mencukupi.

Pada tahun 2003, Laporan Biro Pendidikan ABIM dalam mesyuarat agung tahunan menyatakan terdapat 358 buah TASKI, 13 buah SERI dan tujuh buah SEMI. ABIM telah mengambil langkah proaktif dalam usaha meralisasikan cita-cita pendidikan yang bertunjangkan kurikulum pendidikan bersepadu. Ini secara tidak langsung telah membuktikan bahawa ABIM mempunyai kekuatan dan dapat mempengaruhi masyarakat Melayu di Malaysia tentang kepentingan penghayatan Islam yang menjadi matlamat perjuangan dakwahnya.<sup>44</sup> Dalam bidang pendidikan, ABIM dapat menyumbangkan khidmat dan bakti yang sangat bernilai dengan memperjuangkan cita-cita melahirkan generasi *khaira ummah*, umat terpilih yang tunduk dan patuh kepada perintah Allah swt, yang berperanan sebagai khalifah di muka bumi ini. Secara umumnya ABIM Berjaya memperkenalkan suatu sistem pendidikan yang dapat menjadi pilihan ibu bapa untuk memberi peluang kepada anak mereka mendapat pendidikan yang berteraskan Falsafah Pendidikan Islam, dengan menggunakan kurikulum pendidikan bersepadu.

#### **PENDEKATAN DAKWAH GERAKAN ISLAM ABIM DALAM ASPEK EKONOMI**

Pada peringkat awal penubuhannya, ABIM tidak mempunyai program ekonomi yang besar. Projek ekonomi ABIM yang besar ialah penubuhan Koperasi Belia Islam Malaysia (KBI) pada 26 Disember 1976.<sup>45</sup> Ia didaftarkan sebagai sebuah syarikat kerjasama di bawah Ordinan Koperasi 1948. KBI dilancarkan oleh Presiden ABIM sempena Mukhtamar Sanawi ABIM Pusat pada 29 Julai 1977.<sup>46</sup> Tujuan penubuhan KBI adalah untuk memberi perkhidmatan kebajikan dan ekonomi untuk kemudahan ahli-ahli ABIM khususnya dan masyarakat Islam keseluruhannya. Objektif penubuhan KBI ialah:

1. Menjalankan aktiviti-aktiviti perdagangan termasuklah fungsi-fungsi pengguna dan agensi-agensi tertentu.
2. Menjalankan aktiviti-aktiviti perindustrian
3. Memiliki tanah dan mendirikan bangunan atau membeli rumah-rumah dan tapak-tapak rumah serta menjual, memajak, memindah tanah-tanah dan rumah-rumah itu kepada ahli-ahli.
4. Menubuh, menyelenggara dan menjalankan atau membantu perjalanan sekolah, kolej-kolej, institusi-institusi, suaru-suarau dan madrasah untuk faedah ahli-ahli dan anak-anak mereka dan secara am memaju dan membantu dalam pelajaran dan latihan ahli-ahli dan anak-anak mereka.
5. Melaburkan modal dalam saham-saham swasta dan awam dengan kebenaran Ketua Pentadbir.
6. Menjalankan kegiatan percetakan, penerbitan buku, majalah dan lain-lain.<sup>47</sup>

ABIM memperlihatkan kesungguhan bagi menjalankan kegiatan ekonomi tanpa riba. Kewujudan KBI merupakan asas kepada sistem amalan ekonomi Islam (muamalat Islam). KBI bukan semata-mata untuk mendapatkan keuntungan maksimum, tetapi lebih bersifat kegiatan untuk memberikan perkhidmatan kebajikan kepada ahli-ahli, khususnya untuk mendapatkan keperluan niaga yang bersifat Islamik tanpa melibatkan bunga (*interest* atau riba).

KBI menggunakan kaedah yang dibenarkan oleh Islam bagi mengendalikan urusan dan kegiatan-kegiatannya, ABIM menjadikan Koperasi Belia Islam ini sebagai langkah awal

<sup>44</sup> Laporan Biro Pendidikan ABIM Pusat, Mukhtamar Sanawi ke-32, Anjung Rahmat, Gombak, Selangor, hlm. 6.

<sup>45</sup> Pamflet, Koperasi Belia Islam Malaysia, ABIM. 1995.

<sup>46</sup> Panduan Koperasi Belia Islam Malaysia, Koperasi Belia Islam Malaysia. KBI-ABIM.

<sup>47</sup> Undang-undang kecil, Koperasi Belia Islam Malaysia Berhad, ABIM, Bab 4, hlm. 2-3

untuk membebaskan ahli-ahlinya yang terlibat dalam sistem ekonomi riba. Kesungguhan kepimpinan ABIM melalui Biro Ekonomi dengan menubuhkan KBI untuk membebaskan ahlinya daripada bersubahat dengan sistem ekonomi kapitalis. Kenyataan ABIM: "Untuk melepaskan para ahli daripada belunggu amalan riba dalam usaha mereka mendapatkan peralatan rumah, kenderaan dan tempat kediaman. Pelaksanaannya ialah berperingkat-peringkat mengikut kemampuan KBI".<sup>48</sup>

Peringkat awal penubuhannya, pelbagai produk diketengahkan kepada ahli-ahli ABIM. KBI memperkenalkan pelbagai skim dengan prinsip *Al-Wadiah*, *Al-Mudharabah*, *Al-Bai' Bi-thaman-Ajil* dan *Al-Qard al-Hassan*. Peraturan pertaruhan (simpanan dilaksanakan di bawah konsep *Al-Wadiah* iaitu dengan kerelaan ahli, wang yang tidak digunakan buat sementara waktu itu menjadi modal pusingan kepada KBI sendiri. Konsep *Al-Mudharabah* pula dilaksanakan dalam konteks pembahagian nisbah untung hasil daripada pelaburan. Manakala, *Al-Bai' Bi-thaman-Ajil* dilaksanakan dalam skim sewa beli di mana KBI memberikan barang-barang yang diperlukan oleh ahli tersebut tanpa mengenakan bunga atau riba. Skim pendahuluan (pinjaman) kecemasan adalah berdasarkan prinsip *Al-Qardul al-Hassan*.<sup>49</sup>

Malah KBI menjadi perintis kepada sistem kewangan Islam di Malaysia. Pelaksanaan sistem tersebut merupakan sistem muamalat yang dituntut oleh Islam. Hal yang demikian ini menggambarkan KBI berjaya mendahului mana-mana institusi kewangan atau perdagangan di negara ini termasuklah penubuhan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) yang ditubuhkan pada 11 Mei 1983.

Dengan pertambahan ahli ABIM yang menjadi ahli KBI, KBI dapat menjalankan operasi dengan baik. KBI bukan sahaja dapat meluaskan kegiatan ekonominya malah KBI mampu menjadi model kepada pertumbuhan kegiatan-kegiatan ekonomi yang bersifat Islam di dalam negara dan sekaligus mampu menjadi sebuah koperasi yang berjaya. Keahlian ABIM terus meningkat dalam tempoh setahun iaitu 30 November 1984 ahlinya sebanyak 2, 839 orang dan terus meningkat kepada 3, 228 orang pada 31 Oktober 1984.<sup>50</sup>

Dalam Laporan Tahunan Sesi 1984/1985, KBI dicatatkan sebagai sebuah koperasi yang paling berjaya di negara ini.<sup>51</sup> Selepas kejayaan KBI, mulalah berkembangnya institusi-institusi kewangan Islam di Malaysia seperti bank Islam dan Sistem Perbankan Islam dalam bank-bank konvensional di Malaysia. Perkembangan itu membuktikan ABIM berjaya menjadi model kepada sistem kewangan Islam di Malaysia. Apabila Anwar Ibrahim berada di dalam kerajaan, sokongan terhadap penubuhan Bank Islam semakin meningkat. Akhirnya pada tahun 1987 bank Islam Malaysia Berhad ditubuhkan secara rasminya oleh kerajaan. Pada peringkat awal penubuhan Bank Islam terdapat kelemahan tetapi kesedaran masyarakat Islam khususnya orang Melayu supaya tidak terlibat dalam amalan riba turut membantu perkembangan bank Islam. KBI terus menjadi pilihan dalam kalangan ahli ABIM. Pegkaji mendapati bahawa KBI telah menjadi institusi kewangan Islam contoh yang menjadi pemangkin aktiviti *muamalah* Islam di Malaysia.

### **PENDEKATAN DAKWAH GERAKAN ISLAM ABIM DALAM ASPEK POLITIK**

ABIM adalah sebuah gerakan Islam yang radikal kerana lantang bersuara menentang pemikiran yang dianggap bertentangan dengan Islam dan menentang gejala modernism dan sekularisme di Malaysia.<sup>52</sup> ABIM menegaskan bahawa pembinaan negara Islam mesti

<sup>48</sup> Laporan Tahunan KBI, Sesi 1982/1993, hlm.14.

<sup>49</sup> Laporan Tahunan, KBI, Sesi 1982/1983, hlm. 17.

<sup>50</sup> Laporan Tahunan 1404-1405/1984-1985, Koperasi Belia Islam Malaysia Bhd., dan Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember, 1984, Sempena Mesyuarat Agung Perwakilan tahunan ke-7, hlm. 14.

<sup>51</sup> Laporan Tahunan koperasi Belia Islam tahun 1984/1985, hlm 1.

<sup>52</sup> Abdul Rahman Abdullah, *Pemikiran Islam di Malaysia sejarah dan aliran*. Pendektan yang agak radikal juga didakwa menular dalam gerakan pelajar Islam di luar negara. Di antaranya ialah Suara Islam dan IRC. Lihat Zainah Anwar, *Islamic revivalisme in Malaysia dakwah among students*. Petaling jaya, Pelanduk Publications, 1987, hlm. 349.

ditegakkan oleh umat Islam dan merupakan cabaran yang harus disahut oleh seluruh pendukung dakwah Islamiah (Siddiq Fadzil, 2003). Bagi melaksanakan syariat Allah, umat Islam perlukan sebuah negara yang berdaulat. Pemimpin umat Islam yang mempunyai tanggungjawab memerlukan untuk melaksanakan tuntutan ajaran Islam. ABIM mempunyai kesedaran bahawa politik merupakan salah satu aspek yang sama sekali tidak boleh dipisahkan dengan Islam, agama dan negara serta agama dan perundangan.<sup>53</sup>

Siddiq Fadhil menegaskan dalam ucapan dasarnya pada Mukhtamar Sanawi ke-11, pada 3 hingga 5 September 1982:

*“Komitmen terhadap cita-cita pendauletan Islam dengan ruang lingkungannya yang serba mencakup menuntut pula penterapan ajarannya dalam kehidupan bernegara Islam sebagai din dan dawlah harus direalisasikan semula setelah sekian lama kita hidup dalam dualisme sekular yang memisah-misahkan negara dan agama”.*<sup>54</sup>

Dalam membicarakan politik dan negara Islam ABIM dan PAS mempunyai kesamaan. PAS menegaskan bahawa mendirikan negara Islam merupakan satu kewajipan kepada umat Islam bagi melaksanakan sistem politik sebagai sebahagian daripada cara hidup. Kedua-dua organisasi ini, memperakui bahawa Al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber asas pergerakan dan perjuangannya.<sup>55</sup> Perbezaan kedua organisasi ini adalah dari segi pendekatan dakwahnya. PAS menggunakan pilihan raya sebagai medan perjuangan melaksanakan cita-cita Islamiah, manakala ABIM merupakan pertubuhan belia Islam yang menjadikan dakwah dan tarbiah sebagai uslub dakwahnya.<sup>56</sup>

Walaupun dalam perlembagaan ABIM jelas disebutkan bahawa ABIM tidak akan melibatkan diri dalam mana-mana kegiatan parti politik,<sup>57</sup> namun pihak kerajaan mahupun pihak-pihak tertentu tidak yakin terhadap ketetapan ABIM ini. Kecurigaan tersebut disebabkan tokoh-tokoh ABIM menyertai pilihanraya umum pada tahun 1978 atas tiket PAS.<sup>58</sup>

Malah ABIM dilihat sebagai sayap utama PAS dalam menyuarakan pandangan, gesaan dan tuntutan terhadap pihak kerajaan. Bukti menunjukkan bahawa bekas pemimpin ABIM bertanding atas tiket PAS seperti Fadhil Mohd Noor, Syed Ibrahim Syed Abd. Rahman, Nakhaei Ahmad dan Hj. Abdul Hadi Awang. Muhammad Sabu sebagai tokoh muda yang dilabelkan sebagai *Young Turk* ini berjaya menukarkan kepimpinan order lama di bawah Datuk Asri Muda kepada kepimpinan ulamak yang didakwa terpengaruh dengan gaya pendekatan kepimpinan Mullah di Iran (Jomo Kwame Sundaram & Ahmad Shabery Cheek, 1988).

## **PENUTUP**

Sebagai kesimpulannya, setiap gerakan-gerakan Islam di Malaysia mempunyai pendekatan yang tersendiri dalam proses perjuangannya terhadap dakwah. Pendekatan yang digunakan mempunyai matlamat yang tersendiri dalam menyampaikan dakwah kepada masyarakat Melayu. Melalui pengaruh luar gerakan-gerakan Islam di Tanah Melayu berkembang bagi melahirkan pembinaan negara Islam yang berdasarkan Al-Quran dan Sunnah.

---

<sup>53</sup> Kertas Kerja, Siddiq Fadzil, “Addin Wa Daulah”, Tamrin ABIM Zon Timur, di Yayasan Pengajian Tinggi Islam Nilam Puri, Nilam Puri, Kelantan, 28 Oktober-30 Oktober 1981. Hlm. 1. Lihat Subhi Al-Saleh, Politik dan Pentadbiran Islam, (Terj), Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1986, hlm. 1-6. Lihat juga Ucapan Dasar, Mukhtamar ABIM ke 11, Maktab Perguruan Islam, Petaling Jaya, 1982, hlm. 13.

<sup>54</sup> Ucapan Dasar, Mukhtamar Sanawi ABIM ke 11, Petaling Jaya : ABIM, 2003, hlm.13.

<sup>55</sup> Sebagai perbandingannya, lihat Perlembagaan PAS, Bil. R.S.M. 26/52 (49), PPP/Pg. Fasal 3-7.

<sup>56</sup> Ucapan dasar, “Menyahut Cabaran Abad Kebangsaan”, Mukhtamar Sanawi ABIM ke-12, di Kolej Islam Kelang, pada 30 Julai – 1 Ogos 1983.

<sup>57</sup> Lihat Perlembagaan ABIM, Pindaan 1990. Bab 3, Fasal 3.12.

<sup>58</sup> Pada tahun 1978, Ustaz Fadhil Mohd Noor, Timbalan Presiden ABIM Syed Ibrahim Syed Abd. Rahman, Bekas Penasihat Undang-Undang ABIM, Ustaz Nakhaei Ahmad, Bekas Biro Dakwah ABIM, dan Hj. Abdul Hadi Awang, Bekas YDP ABIM Terengganu.

Pendekatan yang diaplikasikan oleh gerakan Islam ABIM adalah untuk menyampaikan dakwah kepada masyarakat Melayu dalam pelbagai aspek kehidupan agar masyarakat Melayu tidak lari dari landasan Islam dan sentiasa dibimbing mengikut corak kehidupan Islam. Perjuangan dakwah ABIM dalam membela bangsa Melayu dengan menggunakan pendekatan *Manhaj Maliziy* seiring dengan kedudukan istimewa Islam dan orang Melayu. Sebagai gerakan Islam, perjuangan dakwah, ABIM telah menjadi penyumbang kepada kebangkitan Islam di Malaysia dan sekaligus memainkan peranan utama sebagai penegak agama dan pembela bangsa Melayu di negara ini.

Perjuangan gerakan Islam ABIM yang ditunjangi asas fahaman Islam yang kukuh, mendasari perjuangannya dalam berdakwah. ABIM menjadikan pendidikan sebagai asas kepada memperjuangkan kedudukan istimewa bangsa Melayu, Bahasa Melayu dan kebudayaan Melayu yang menjadi tunjang negara Malaysia. Ini kerana asas-asas negara ini perlu terbina melalui kehidupan beragama orang Melayu yang kukuh dan mantap.

#### **RUJUKAN**

- Abdul Halim al-Muhammady. 1992. *Dinamika Dakwah: Suatu Perspektif dari Zaman Awal Islam hingga Kini*. Petaling Jaya: Budaya Ilmu Sdn. Bhd.
- Abdul Rahman Hj. Abdullah. 1998. *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Pusat Pendidikan Jarak Jauh USM.
- Abdul Rahman Kurais. 1992. *Laporan Ketua Biro Pendidikan ABIM Pusat 1985-1993*. Petaling Jaya: Budaya Ilmu.
- Ahmad Azam Abdul Rahman. 1996. *Manhaj Maliziy dan Al-Wa'yul Islam, dlm. Angkatan Belia Islam Malaysia 1971-1996*. Petaling Jaya: Blue-T.
- A.K. Hidayat. 1986. *PAS 1951-1991 (Tercabar – Mencabar)*. Kuala Lumpur: G.G. Edar.
- Amien Rais. 1987. *Cakrawala Islam Antara Cita dan Fakta*. Bandung. Penerbit Mizan.
- Anis Ahmad. 1997. *Islamic Movement as Agents of Social Change*. Dalam Islamic Review, News and Views of ABIM, No. 5/97, Kuala Lumpur: ABIM.
- Asaf Hussain. 1988. *Islamic Awakening in The Twentieth Century: An Analysis and Selective Review of the Literature*. Third World Quarterly, 10 (2) April.
- Azyurmardi Azra. 2000. *Renaisans Islam Asia Tenggara: Sejarah Wacana dan Kekuasaan*. Bandung: Remaja Rosdakarya.
- Azrin Ab. Majid. 2011. *Pendidikan Islam Malaysia*. Membangun Gagasan Baru. Shah Alam.
- Chandra Muzaffar. 1988. *Kebangkitan Semula Islam di Malaysia. Terj. Adibah Amin*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- E. J. Brill. 1965. *Encyclopedia of Islam*.
- Fathi Yakan. 1984. *Apa Ertinya Saya Mengenal Islam. (terjemahan) Alias Othman*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Fazlur Rahman. 1965. *Islamic Methodology in History*. Karachi: Central Institute of Islamic Research.
- Hafizh Dasuki. T.th. *Generasi Muda dalam Kebangkitan, dalam Rusydi Hamka dan Iqbal Saimima. Kebangkitan Islam dalam Pembahasan*. Jakarta, Yayasan Nurul Islam.
- Hanapi Md Noor. 2007. *Tabligh: The Misunderstood Jewel of the Last Century. From the Viewpoint of a Malay Intellect (sic)*. Account of my travels in 23 countries in Asia, Europe, Africa and North America".
- Hasbullah Abdul Rahman. 1989. *Sekolah Rendah Islam ABIM-Perancangan Menjadi Kenyataan, dlm. Risalah*, September 1989.
- Hassan al-Turabi. 1992. *Islam As A Pan-National Movement And Nation States*. Kuala Lumpur: ABIM.
- Hefner, Robert W. 1997. *Islamization and Democratization in Indonesia*. Dalam Rober Radicalt W. Hefner dan Patricia Horvatich (pnyt). *Politics and Religious Renewal in Muslim Southeast Asia*, Honolulu: University of Hawaii Press.

- H. Dadang Kahmad. 1999. *Metode Penelitian Agama: Perspektif Ilmu Perbandingan Agama*: Bandung: Gunung Djati Press.
- John O. Voll. 2003. *Pembaharuan Islam dan Kegagalan Barat*. Dalam Moeflich Hasbullah (pnyt). *Asia Tenggara Konsentrasi Baru Kebangkitan Islam*, Bandung: Fokusmedia.
- Kamus Besar Bahasa Indonesia Edisi Baru. 2009. Jakarta: Media Pustaka Phoniex.
- Khursid Ahmad. 1979. *Prinsip-Prinsip Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Biro Pelajaran dan Penulisan ABIM.
- Liem Soei Liong. 1988. *Indonesian Muslims and the State: Accommodation or Revolt?*. Third World Quarterly. vol.10, no.2. April.
- John Funston. 1981. *The Politics of Islam Reassertions in Malaysia*. Dalam Mohammed Ayoob, (pnyt). *The Politics of Islamic Reassertions*, London: Croom Helm.
- John L. Esposito. 1992. *The Islamic Threat, Myth or Reality*. New York: Oxford University Press.
- Jomo K. Dandaram dan Ahmed Shabery Cheek. 1988. *The Politics of Malaysia's Islamic Resurgence*. Third World Quarterly, Vol. 10, No. 2, April.
- John L. Esposito. 2008. *Ancaman Islam Mitos atau Realiti? (terj.)*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- John L. Esposito. 1980. *Islam and Development: Rekligion and Socio-Political Change*. Syracuse: Syracuse University Press.
- Jawatankuasa Tetap Pendidikan Selangor. Angkatan Edaran
- Jomo Kwame Sundram and Ahmad Shabery Cheek. 1988. *The Politics of Malaysia's Islamic Resurgence*. Dalam Third World Quarterly. April 1988, vol.10.
- Judith Nagata. 1984. *The Reflowering of Malaysian Islam*. Vancouver: University of British Columbia Press.
- Kamarulnizam Abdullah. 2003. *The Politics of Islam in Contemporary Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kikue Hamayotsu. 2002. *Islam and National Building in Southeast Asia: Malaysia and Indonesia in Comparative Perspective*. Pacific Affairs, Vol. 75, No. 3.
- Kassim Ahmad. 1984. *Teori Sosial Modern Islam*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Mandavilla, P. 2007. *How Do Religious Beliefs Affect Politics*. Global Political Islam. Abingdon: Routledge.
- Milne R.S dan Diane K. Mauzy. 1999. *Malaysian Politics under Mahathir*, London: Routledge.
- Michael R.J., Vatikiotis. 2003. *Kebangkitan Islam di Indonesia dan Malaysia*. Dalam Moeflich Hasbullah (pnyt). *Asia Tenggara Konsentrasi Baru Kebangkitan Islam*. Bandung: Fokusmedia.
- Mohd Azhar Bahari dan Ishak Saat. 2014. *Angkatan Belia Islam Malaysia 1971-2004*. Batu Pahat. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Mohammad Bakar. 1987. *Penghayatan Sebuah Ideal Suatu Tafsiran tentang Islam Semasa*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Farid Mohd Shahrhan. 2007. *Pengukuhan Manhaj Maliziy Melalui Pemerkasaan Budaya Ilmu. Monograf Memahami Pendekatan Dakwah Manhaj Maliziy*. Kuala Lumpur: Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia.
- Mohd Zain bin Husin. 1985. *Pergerakan Jama'at Tabligh di Malaysia: Penekanan Khusus Kepada Metod Penyampaian Dakwah*, Latihan Ilmiah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Abu Al-Fathi Al-Bayanuniy. 1992. *Penyatuan Kerja Gerakan Islam: Di Antara Kenyataan dan Harapan*.terjemahan Mustaffa Mat Daud, Petaling Jaya: Budaya Ilmu Sdn. Bhd.
- Muhammad Yusuf Qaradawi. 1983. *Islam Dakwah Yang Syumul*. Kuala Lumpur: ABIM.
- Nasir Tamara. 1986. *Indonesia in the Wake of Islam: 1965-1985*. Kuala Lumpur: Institute of Strategic and International Studies.
- Sidek Baba. 1993. *Kepedulian Sosial dalam konteks Wawasan 2020; Islam dan Masyarakat*. Petaling Jaya: ABIM.

- Siddiq Fadhil. 1989. *Koleksi Ucapan Dasar Muktamar Sanawi ABIM*. Dewan Pustaka Islam.
- Siddiq Fadzil. 2003. *Koleksi Ucapan Dasar*. Muktamar Sanawi ABIM ke 11, Petaling Jaya: ABIM.
- Siddiq Fadhil. 2007. *Pendidikan sebagai Wahana Pentamadunan Ummah*, Kajang: Kolej Dar Al-Hikmah.
- Subhi Al-Saleh. 1986. *Politik dan Pentadbiran Islam*. (Terj), Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam. Jabatan Perdana Menteri.
- Sufian Hussain. 1998. *Sejarah Pendidikan di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Wilfred Cantwell Smith. 1957. *Islam in Modern History*, Princeton: Princeton University Press.
- Zamakhshari Dhofir. 1982. *Tradisi Pesantren: Studi tentang Pandangan Hidup Kyai*. Jakarta: LP3ES.
- Ziauddin Sardar. 1990. *Masa Hadapan Islam Bentuk Idea Yang Akan Datang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zulkiple Abd Ghani & Mohd. Syukri Yeoh Abdullah. 2005. *Dakwah Dan Etika Politik Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.

### **Jurnal**

- Ahmad Fauzi Abdul Hamid. 2000. *Political Dimension of Religious Conflict in Malaysia: State Responses to an Islamic Movement*. Indonesia And The Malay World, Vol 28. No 80.
- Ibrahim Majdi bin Mohamad Kamil. 2017. *Analisis Kritikal Perkembangan Intelektual Muslim di Malaysia Pasca Merdeka (1960-1990) Terhadap Kebangkitan Islam di Malaysia*. Jurnal Pengajian Islam. Bil. 10, ISU 11, 88-110.
- Kersten, C. 2009. *Islam Cultural Hybridity and Cosmopolitanism: New Muslims Intellectuals on Globalization*. Journal of Global and International Studies 1(1).
- ShiozakinYuki. 2007. *Formation Of Public Spheres And Islamists Movements In Malay Muslim Society Of Malaysia*. Journal of the Interdisciplinary Study of Monotheistic Religions (3).

### **Buletin**

- Amini Amir Abdullah. 2011. *Intelektual Interaction And Malaysia Dakwah Activism*. Al-Mawaqif 6.
- Che Noraini Hashim & Hassan Langgulung. 2008. *Islamic Religious Curriculum In Muslim Countries: The Experiences Of Indonesia And Malaysia*. Bulletin of Education and Research 30 (1).
- Monograf. 2007. *Memahami Pendekatan Dakwah Manhaj Maliziy*. Kuala Lumpur: Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia.
- Razali Nawawi. 1983. *Hukum Islam Dipersoal? Panji Masyarakat*. Januari / Februari.
- Siddiq Fadzil. 1982. *Islam sebagai Alternatif*. Panji Masyarakat. Ogos/September.
- John L. Esposito. 1997. *Islam's Southeast Shift, A Success That Could Lead Renewal In Muslim World*. Asiaweek . 4 April.
- R. Jones. 1980. *It Cant't Happen Here: A Post-Khomeini Look at Indonesia Islam*. Asian Survey. Sidney. Vol. XX, No. 3, March.
1989. *Islam Memecahkan Problema Masyarakat*. Panji Masyarakat. No 599, Januari.

### **Kertas Kerja / Prosiding**

- Ahmad Azam Abd Rahman. 2007. *Prinsip Manhaj Maliziy (Pengalaman ABIM)*. Seminar Dakwah Kebangsaan Memahami Pendekatan Dakwah Manhaj Maliziy. 4 April. Anjung Rahmat.
- John C. Raines. 1996. *Post-Colonial Struggle In Malaysia: Telling The Story of ABIM*. Simposium Islam dan Masa Depan sempena Muktamar Sanawi ABIM ke 25 pada 16-19 Ogos 1996 di Dewan Muktamar Pusat Islam, Kuala Lumpur.

- Ismail Ishak, Kamarudin Ahmad & Wan Abdul Rahman Khudzri. 1996. *Kefahaman Orang Melayu Terhadap Dakwah Islamiah*. Prosiding Nilai Melayu, SPS: UUM.
- Khairul Ariffin Mohd Munir. 2006. *Manhaj Maliziy; Satu Penjelasan Dalam Realiti Masa Kini*. Tamrin Qiadi Kebangsaan ABIM pada 14-16 April. Kem El-Azhar, Morib.
- Mashitah Sulaiman. 2013. *Islam Dan Transformasi Sosial Masyarakat Melayu Malaysia: Suatu Kajian Eksploratori*. Proceeding of The International Conference on Social Sciene Research (ICSSR).
- Mohd Shahir Abdullah. 1998. *Berdakwah Dalam Era Multimedia*. Seminar Islam dan Multimedia, IKIM.
- Shamsul Amri Baharuddin. 1989. *From Urban to Rural: The Migration of The Islamic Revival Phenomenon In Malaysia*. Prosiding Congress Urbanism dan Islam, Vol. 4, Tokyo: Institute of Oriental Culture, University of Tokyo.

### **Akta / Perlembagaan / Buku Cenderamata**

- Akta Pendidikan 1996 (AKTA 550) dan Peraturan-Peraturan Terpilih.
- Perlembagaan ABIM, Pindaan 1990. Bab 3, Fasal 3.12.
- Perlembagaan PAS, Bil. R.S.M. 26/52 (49), PPP/Pg. Fasal 3-7.
- Buku cenderamata, TASKI ABIM, Malam Tautan Ukhuwah, ABIM Kedah, Muktamar Sanawi ke-26.

### **Laporan Tahunan**

- Laporan Tahunan. 1979. ABIM Pusat.
- Laporan Muktamar ABIM Pusat ke 32, Biro Pendidikan ABIM.
- Laporan Tahunan KBI, Sesi 1982/1983.
- Laporan Tahunan 1404-1405/1984-1985. Koperasi Belia Islam Malaysia Bhd.
- Laporan Biro Pendidikan ABIM Pusat. Muktamar Sanawi ke-32. Anjung Rahmat. Gombak. Selangor.
- Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember. 1984. Sempena Mesyuarat Agung Perwakilan tahunan ke-7.
- Tahfiz, 25 Tahun ABIM.

### **Ucapan Dasar**

- Anwar Ibrahim. *Islam, Penyelesaian Kepada Masalah Masyarakat Majmuk*. Muktamar Sanawi ABIM ke-8. Kuala Lumpur: ABIM.
- BIM ke-12. 1983. *Menyahut Cabaran Abad Kebangunan*. Muktamar Sanawi ABIM ke-12, di Kolej Islam Kelang, pada 30 Julai – 1 Ogos.
- Muktamar ABIM ke 11. 1982. Maktab Perguruan Islam. Petaling Jaya.
- Muktamar Sanawi ABIM ke 11. 2003. Petaling Jaya: ABIM.
- Siddiq Fadhil. 1982. *Garis-Garis Besar Haluan Perjuangan*. Muktamar Sanawi ke-11. Dewan Al-Malik Faisal, Maktab Perguruan Islam, Petaling Jaya, Selangor, 3-5 September.
- Siddiq Fadhil. 1982. *Garis-garis Besar Haluan Perjuangan*. Muktamar ABIM ke-11.
- Muhammad Nur Manuty. 1997. *Islam dan Jiwa Merdeka*. Muktamar Sanawi ABIM ke-26. Kuala Lumpur: ABIM.
- Muhammad Nur Manuty. 1993. *Pertembungan Tamadun: Agenda Umat*. Muktamar Sanawi ABIM ke-22, 22-29 Ogos. Dewan Hang Jebat Pusat Ekspo Air Keroh, Melaka.
- Muktamar Sanawi ABIM ke-4. 1975. Kolej Islam Kelang, 7 Disember.
- Yang Dipertu ABIM Perak. 2005. Muktamar Sanawi ABIM Perak ke-33, Maha'ad Al-Ummah. Chemor, Ipoh, Perak, Julai.

### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh/timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*